

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:
Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Terengganu.

Hari Ahad
27 September 1992

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KELAPAN
PENGKAL PERSIDANGAN
YANG KEDUA

Persidangan Kali Yang Ketiga
27 September 1992
1 Rabiulakhir 1413.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU.

KANDUNGAN

1. Nama ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Ucapan YBM Dato' Yang Dipertua [Muka 5]
4. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan. [Muka 7]
5. Soalan-soalan Yang Telah diberi Notis. [Muka 8]
6. Usul Yang Telah Diberi Notis -
 - (i) Tambahan Peruntukan Yang Kedua daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1992. [Muka 32]
7. Rang Undang-Undang -
 - Enakmen Perbekalan Tambahan (1992) 1992. [Muka 41]
(Rundingan dalam semua peringkat)
 - Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (Pindaan) 1992. [Muka 48]
(Rundingan dalam semua peringkat)
8. T a n g g u h a n. [Muka 59]

#####

DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL
9.30 PAGI.

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,
DSMT., DPMT., AMN., PJC., PJK., BLB.
(Dato' Syed Omar bin Muhamad)
WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.
(Dato' Seri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.
WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.
WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PPN., PJC., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DPMT., ASM., PJK.
WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

27 September 1992

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah, SMT.,AMN.,JP.,PJK.
WAKIL JERANGAU
" " Haji Harun bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL MFRCANG
" " Haji Wan Muda bin Mohd, PJK.,AMN.,PPN.
WAKIL KUALA BERANG
" " Haji Harun bin Hassan, AMN.,PJK.
WAKIL BUKIT BANDI
" " Haji Yusof bin Musa, AMN.,PJK.
WAKIL SERADA
" " Haji Abu Bakar bin Ali, AMN.,PJK.
WAKIL KEMASEK
" " Haji Daud bin Abu Bakar, PJK.
WAKIL HULU BESUT

" " Encik Ahmad bin Said, PJK.
WAKIL KIJAL
" " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd, ASM.,SMT.,PJK.,BLB.
WAKIL TELUK PASU
" " Haji Shafi'i bin Omar, PJK.
WAKIL PERMAISURI
" " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN.,PJK.
WAKIL TEPUH
" " Haji Mazlan bin Awang, PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG
" " Haji Wan Abd.Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK
" " Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RU RENDANG

27 September 1992

Yang Berhormat Haji Harun bin Jusoh, JP.,PJK.

WAKIL BANDAR

" " Haji Abdul Latif bin Mohamad

WAKIL JERTIH

" " Haji Mohd.Abdul Wahid bin Haji Endut

WAKIL WAKAF MEMPELAM

" " Haji Zahari bin Mohamad

WAKIL JABI

Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja

(Yang Berhormat Tengku Ibrahim Ibni Al Marhum

Sultan Ismail Nasiruddin Shah),DK.

WAKIL TANGGOL

Yang Berhormat Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.

WAKIL BUKIT TUNGGAL

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa,

(Dato' Seri Mohd Azahar bin Haji Othman)

SSMT.,SPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Abdul Kadir bin Musa, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda,

(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)

DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Muhammad, AMT.,PJK.

WAKIL KAMPUNG RAJA

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

27 September 1992

27 September 1992

DOA - Dibaca oleh YBM Dato' Yang di-Pertua

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَبِهِ نَسْتَعِیْنُ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar, Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin-Nya kita berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk bermesyuarat, membincangkan masalah-masalah yang ada di hadapan kita pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Mesyuarat Yang Pertama Penggal Persidangan Yang Kedua pada tanggal 5hb Disember 1991 Dewan ini telah meluluskan satu Usul di bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Tetap Perpaduan Ummah bertujuan menyatupadukan umat Negeri Terengganu dan yang dipengerusikan Jawatankuasa itu oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahli yang dipersetujui menduduki Jawatankuasa itu adalah bagaimana berikut:-

1. Y.B. Dato' Haji Abu Bakar bin Daud
2. Y.B. Dato' Haji Ahmad Sidi bin Ismail
3. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
4. Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad
5. Y.B. Haji Harun bin Taib
6. Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
7. Y.B. Haji Harun bin Jusoh
8. Y.A.M. Tengku Sri Paduka Raja
(Y.B. Tengku Ibrahim Ibni Al Marhum Sultan Ismail
Nasiruddin Shah)

Jawatankuasa telah mula bermesyuarat pertama kalinya pada 6hb September tahun ini dan mesyuarat-mesyuarat berikut akan ditetapkan kemudian. Saya berserah kepada Allah semoga Jawatankuasa ini akan berjaya menyatupadukan Ummah di Negeri Terengganu yang kita cintai ini.

27 September 1992

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kali ini selain daripada Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis, kita hanya ada satu Usul dan dua Rang Undang-Undang untuk dibahaskan. Saya percaya dengan satu hari yang diperuntukkan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai cukup masa untuk mengambil bahagian.

Mengakhiri ucapan saya, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberi kerjasama kepada saya dalam menjalankan tugas saya dan cita-cita saya bagi menjadi imej Dewan yang mulia ini sebagai tempat yang sungguh selesa untuk kita bertukar-tukar fikiran dan pendapat dalam mencari keredhaan Allah Subhanahuwataala serta menjadi teladan kepada generasi kita yang akan datang.

Sekian, SELAMAT BERSIDANG.

27 September 1992

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

DUN. BIL.5/92	Peruntukan Tambahan Pertama Anggaran Bekalan Tahun 1992.
DUN. BIL.6/92	Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1992 Perbelanjaan 1992.
DUN. BIL.7/92	Penyata Kira-Kira Majlis Daerah Besut Bagi Tahun 1986.
DUN. BIL.8/92	Penyata Kewangan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun 1988.
DUN. BIL.9/92	Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu Bagi Tahun 1991.
DUN. BIL.10/92	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Negeri Terengganu Bagi Tahun 1986 Dan 1987.

27 September 1992

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DI BERI NOTIS

(1) SOALAN-SOALAN BERTULIS

Soalan-soalan dan jawapan bertulis daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dibentangkan di atas meja:-

- (a) Y.B. Haji Harun bin Taib
- (b) Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
- (c) Y.B. Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
- (d) Y.B. Haji Harun bin Jusoh
- (e) Y.B. Haji Abdul Latif bin Mohamad
- (f) Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
- (g) Y.A.M. Tengku Sri Paduka Raja
(Y.B. Tengku Ibrahim Ibni Al Marhum
Sultan Ismail Nasiruddin Shah), D.K.
- (h) Y.E. Haji Mansor bin Sulong @ Ali

(2) SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Harun bin Ali, Wakil Merchang untuk mengemukakan soalan-soalan lisan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Nyatakan berapakah jumlah bantuan di bawah skim membina dan membaiki rumah bagi rakyat termiskin di negeri ini telah dikeluarkan dan berapakah jumlah penerima-penerima bantuan tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada dua jenis bantuan untuk membaiki rumah. Yang pertama yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan yang kedua yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri -

Jumlah bantuan dan penerima bantuan ini di bawah skim Bantuan Membaiki Rumah bagi rakyat termiskin negeri ini semenjak skim tersebut diwujudkan adalah sebanyak \$7,737,416.00 (sehingga Ogos 1992) diterima oleh seramai 5,751 orang.

27 September 1992

Yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutan -

Melalui PKN (Pegawai Kemajuan Negeri) sejak projek ini dilaksanakan dalam tahun 1990 hingga 1992 nilai bantuan yang telah dikeluarkan bagi membina baru dan baikpulih rumah ialah \$10,929,000.00. Dari segi penerimaan pula dalam dua tahun pertama pelaksanaan iaitu tahun 1990-1991 seramai 4,095 orang telah mendapat manfaat daripada Sekim Bantuan Membina Baru dan Baikpulih Rumah ini.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Apakah garis-garis panduan yang diambil kira oleh pihak yang berkenaan apabila menyalurkan bantuan tersebut dan apakah takrif masyarakat termiskin yang dipakai dan apakah jabatan-jabatan yang terlibat bagi melicinkan perjalanan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Ada beberapa kriteria digunakan untuk menentukan rakyat miskin dan rakyat termiskin. Satu daripadanya berdasarkan kepada pendapatan keluarga. Pendapatan \$175 ke bawah dalam golongan ini dikira sebagai rakyat termiskin, kemudian ada faktor-faktor lain seperti jumlah tanggungan, ramai anak dan harta-harta yang dimiliki oleh pemohon-pemohon yang berkenaan termasuk jugalah isteri sebab kita sebut anak tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Berapakah jumlah penerima biasiswa Yayasan Terengganu yang telah dikeluarkan kepada pelajar-pelajar yang sedang menuntut di dalam dan di luar negeri dan adakah di kalangan mereka yang telah menyalahgunakan biasiswa tersebut, jika ada sila nyatakan sebab-sebabnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Semua pemberian yang sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, adalah dalam bentuk pinjaman melainkan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di United Kingdom separuhnyanya pinjaman dan separuh lagi dermasiswa. Bilangan pelajar-pelajar yang diberi pinjaman atau biasiswa yang sedang menuntut di dalam dan luar negeri adalah :-

Luar Negeri	- 186 orang
Dalam Negeri	- 2,769 orang.

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI: Soalan yang ketiga -

Nyatakan berapa ramaikah belia-belia yang telah diambil untuk latihan di bawah Sekim Latihan Sambil Belajar dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan bagi Sekim Latihan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bagi tempoh empat tahun ini seramai 6,390 orang telah mendapat latihan di bawah Sekim Latihan Sambil Bekerja dipanggil SLSB. Peruntukan yang telah dikeluarkan sehingga 7 September 1992 untuk sekim ini adalah sebanyak \$21,481,396.94. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Sekarang saya menjemput Wakil Manir, Yang Berhormat Haji Harun bin Taib untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan yang pertama -

Berapakah bilangan pegawai dan tenaga pensyarah KUSZA sekarang ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setakat ini bilangan pegawai di KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin) sekarang ialah 16 orang. 12 orang adalah berjawatan tetap dan 4 orang adalah pegawai kontrak. Mereka adalah pegawai dari Kumpulan 'A', manakala bilangan tenaga pengajar KUSZA sekarang ialah 137 orang. 86 orang daripadanya adalah berjawatan tetap; 34 orang bertaraf kontrak; 15 orang adalah sementara dan 2 orang adalah pinjaman. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Dari bilangan tenaga pengajar yang disebut itu berapa orangkah dari kalangan mereka itu yang sedang diberi latihan tenaga pengajar ke peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dan di manakah pusat-pusat latihan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya perlu notis.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan tambahan - Apakah benar berlakunya sewaktu rombakan secara besar-besaran terhadap Pegawai-pegawai Tadbir dan Pensyarah-pensyarah di KUSZA sepertimana dilaporkan oleh setengah-setengah akhbar.

27 September 1992

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, 're-structure' penyusunan semula dan begitu begini dalam jabatan adalah perkara biasa, ini perkara normal jadi ini bukan perkara yang luar biasa, jadi apa yang kita hendak kisah sangat. Sekian, Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memang banyak rombakan dibuat dalam mana-mana pentadbiran tetapi tidak menimbulkan kekecohan sepertimana yang berlaku di KUSZA baru-baru ini. Apakah sebab-sebabnya berlaku demikian dan apakah matlamat rombakan itu dibuat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada timbul kekecohan. Bila ada penyusunan semula tentu ada pertukaran, pengalihan, mungkin Yang Berhormat wakil Manir buat kecoh, tidak tahulah, begitu, tidak ada.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Sebenarnya saya tanya ada kekecohan yang digembar-gemburkan dalam suratkhbar dan ada kenyataan hatta daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam akhbar tempatan dan ada kenyataan juga daripada Pengerusi Majlis KUSZA. Oleh sebab itu saya bertanya kepada pihak kerajaan supaya kerajaan dapat memberi penjelasan yang baik kerana mungkin laporan-laporan akhbar-akhbar itu tidak benar. Itu sebab saya tanyakan, saya tidak buat gembar-gembur lagi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua penjelasan - Kenyataan apa yang saya buat?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Kenyataan yang mengatakan bahawa rombakan itu mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengakui ada.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Yalah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Baguslah, kalau ada baguslah. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Benarkah ada satu laporan lain yang menyatakan KUSZA merupakan satu pusat pengajian tinggi dalam negeri ini yang mana berlaku di dalamnya tempat penentang dasar kerajaan, tempat penentang utama bagi dasar kerajaan negeri ini. Apakah laporan ini betul atau tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, laporan mana? Jangan kita khayal sangatlah, laporan mana?

27 September 1992

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tanya betuikah tidak, ada ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Laporan mana? Itu dia.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tanya adakah tidak, laporan daripada mana-mana agensi kerajaan yang melaporkan bahawa KUSZA merupakan pusat pengajian tinggi dalam negeri ini yang menjadi pusat penentangan utama pada dasar kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Dato' Yang di-Pertua, setakat ini saya hendak tahu laporan mana? Ini kalau kita hentam kromo, kita ambil kita bayang, kita buat andaian yang bukan-bukan ini saya minta maaf. Sekian, Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, inilah yang saya bimbang kerana mungkin pihak kerajaan sendiri tidak tahu yang berlaku di kalangan agensi-agensi mereka sendiri. Saya dapat tahu ada satu agensi Kerajaan Negeri yang mengadakan perbincangan khusus berhubung dengan KUSZA ini, dan agensi ini melaporkan bahawa KUSZA menjadi pusat penentang utama pada dasar kerajaan, bukan menentang kerajaan kepada dasar kerajaan. Saya rasa dukacita benarlah kalau pihak kerajaan sendiri, kalangan ExCo sendiri tidak tahu apa yang dilapor oleh agensi-agensi mereka sendiri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Dato' Yang di-Pertua, agensi mana ini, CIA, ke mana, agensi mana, khabarlah?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, saya berharap lepas ini Wakil Ladang akan dapat membuat penyiasatan, jangan kita bercakap dalam dasar tidak tahu. Jadi, jangan agensi mana, agensi mana itu saya tidak mahu sebutlah dalam dewan ini agensi yang tertentu itu dan saya ada jika Dewan ini memerlukan saya mungkin dapat memberitahu pada masa persidangan akan datang, insya-Allah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita hendak tahu agensi mana, kalau ada kita ambil tindakan, kita siasat. Ini perkara hak yang kecil-kecil memang berlaku dalam dunia, mana-mana organisasi, mana-mana institusi pelajaran tinggi hak kecil-kecil ini perkara biasa, itu dia. Agensi mana tolong 'specific', tepat, jangan senyum-senyum. (KETAWA) ...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, kita bercakap orang tua, emosi yang tidak baik, tak patut diluahkan. Kerajaan mestilah peka, apakah agensinya membuat

27 September 1992

rumusan yang sedemikian itu ada ataupun tidak, ini untuk kebaikan bukanlah kita bercakap dengan emosi hendak marah kepada oranglah apa, kalau betul ada, kita kaji, kita siasat ataupun minta masa - Dato' Yang di-Pertua, kami perlu masa untuk buat kajian adakah ataupun tidak - Janganlah kita hendak cakap dengan luahkan perasaan hendak marah dekat orang, ini Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu perangai saya, ... (KETAWA) ... apa hendak meluahkan apa, saya tanya agensi mana, salahkah, tolong khabar? Jangan kita fikir kita itu bijak, pandai, agensi mana?

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memang faham lah Wakil Ladang ini, saya kenal lama masa main bola dulu lagi. Dia nampak cakap kasar, tetapi dia tidak bengking orang, orang bagus, dia orang baik, saya tahu dia, tetapi saya tanya

YANG BERTHORMAT HAJI DAUD BIN ABU BAKAR: Yang terhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa Wakil Manir ini nampaknya dah lari ke arah lain.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Tidak apalah, itu fahaman dia, dalam Dewan ini macam-macam pemikiran manusia. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mengemukakan ini supaya pihak Kerajaan membuat penyiasatan terhadap laporan agensi-agensi Kerajaan sendiri yang menyatakan bahawa KUSZA menjadi Pusat Penentang Utama kepada Dasar Kerajaan dan jika Yang Berhormat Ahli ExCo daripada Ladang itu tidak dapat memperakui perkara ini wujud, saya harap dapat membuat penyiasatan pada masa akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tolong bagi tahu supaya senang kita membuat siasatan. Terima kasih Wakil Manir tahu fe'el saya, tolong khabar ke Wakil Batu Burok. (KETAWA)...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG: ... Saya pun hari ini baru tahu fe'el hodoh, selama ini tengok comel so'mor, so'mor comel. Hari ini nampak fe'el hodoh hendak buat guana, saya pun tidak tahu, sahabat saya juga, main bola, main ragbi pun sama juga peteh keting lawan peteh keting.

Dato' Yang Dipertua, kita hanya meminta penjelasan, jadi adakah Wakil Ladang sebagai orang yang dipertanggungjawabkan akan siasat? Ini agensi kerajaan yang membuat rumusan sedemikian, untuk kebaikan.

27 September 1992

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tolong bagi tahu agensi mana, apa benda yang payah sangat - supaya kita jalan siasatan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang di-Pertua, kalau kami ExCo saya bagi tahu dah, tapi kami ini bukan ExCo, kita kena peka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam dunia ini bukan semua kita tahu. Guana ada cita-cita, niat hendak jadi ExCo, marilah.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: ... Saya ucap terima kasih kepada Ahli ExCo yang menjawab. Soalan yang kedua.

Berapa ramaikah pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rasanya jawapan yang saya berikan kepada soalan No. 2 Yang Berhormat Wakil Mercang boleh memenuhi soalan 2 daripada Yang Berhormat Manir. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah sebahagian daripada pelajar-pelajar kita itu terlibat dalam satu laporan yang menyatakan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri telah terdedah sebahagiannya kepada gejala Ridha yang dilaporkan oleh setengah-setengah laporan. Apakah ini betul berlaku kepada pelajar-pelajar kita dari Terengganu ataupun tidak, ataupun dalam penyiasatan kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon kalau boleh diulang, tidak berapa jelas, terutama sekali bahagian akhir soalan tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ada satu laporan daripada luar negeri menyatakan bahawa sebahagian daripada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri terdedah kepada gejala Ridha gejala murtad. Yang saya hendak tahu di sini apakah ada di kalangan pelajar-pelajar kita yang terbabit atau terlibat di dalam gejala tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas laporan mana yang dimaksudkan oleh Wakil yang berkenaan. Kalau Wakil yang berkenaan bermaksud laporan akhbar yang kita baca beberapa waktu yang lalu, sukalah saya nyatakan

27 September 1992

bahawa tidak ada, sepanjang pengetahuan kita, pelajar-pelajar Terengganu yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Tidak ada itu perasaankah ataupun setelah disiasat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Payah kita hendak jawab, tidak ada itu perasaankah, siasatkah. Jadi kalau tidak ada, tidak adalah baik pada segi siasatan ataupun perasaan ataupun pemikiran ataupun khayalan, tidak adalah ... (KETAWA) ...

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jawapan yang diberi tadi saya rasa, kalau rasa itu hanya perasaan, kalau setelah disiasat sepertimana yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran baru-baru ini setelah disiasat maka tidak ada kecuali seorang dia kata, itu bermakna telahpun disiasat, yang saya tanya adakah rasa ataupun setelah disiasat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Orang Melayu ini bila dia kata rasa itu kadang-kadang dia fikir, dia kata pada hemat saya, pada rasa saya, begitulah lebih kurang, cara orang Melayu berbahasa jadi payah juga bagi saya kalau untuk mengajar, memahami bahasa ini, Dato' Yang di-Pertua ... (KETAWA) ...

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maknanya, soalan tambahan - Sekarang ini tidak ada dalam maklumat Kerajaan ataupun terus tidak wujud perkara yang saya soal itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Sepanjang pengetahuan Kerajaan, tidak ada.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Oleh kerana terdapat beberapa cara yang membawa pendedahan kepada murtad seperti penempatan kepada keluarga-keluarga yang bukan Islam yang berlaku di kalangan setengah-setengah pelajar di luar negeri dan sebagainya, apakah langkah dan tindakan secara khusus yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setahu kita dengan perbelanjaan yang kita berikan ini cukup untuk pelajar-pelajar kita mendapat tempat duduknya sendiri, tidak perlu ditempatkan di mana-mana keluarga angkat tetapi kemungkinan pelajar-pelajar kita ini orang muda, dan pelajar ini hidup dia bergerak, dia bercampur-gaul, barangkali terdapatlah pergaulannya dengan mana-mana

27 September 1992

pihak termasuklah orang-orang kafir, ini saya rasa tidak dapat dielakkan.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Setelah mendapat tahu adanya gejala-gejala tersebut atau terdedahnya sebahagian daripada pelajar luar negeri kepada gejala tersebut dan mengikut maklumat yang ada pada Kerajaan setakat ini, pelajar-pelajar dari Terengganu tidak terlibat, apakah Kerajaan mengambil langkah dan mengambil langkah-langkah awal untuk mencegah, ataupun untuk menghindarkan berlakunya perkara tersebut kepada pelajar-pelajar kita pada masa yang akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selain daripada pelajar-pelajar di Mesir dan beberapa - di Morocco dengan Jordan, kita sebenarnya mempunyai seramai 25 orang sahaja pelajar di United Kingdom dan sebelum anak-anak muda ini dihantar ke luar negeri, kita telah menjemput mereka dan keluarga mereka untuk mendengar sedikit sebanyak pesanan dan kita percaya mereka adalah terdiri daripada pemuda-pemuda yang baik akhlakunya, yang kita rasa boleh dipercayai, boleh dipertanggungjawabkan, insya-Allah, kalau tidak ada hal-hal yang terlalu luar biasa berlaku kepada mereka.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat penyiasatan terhadap pelajar-pelajar kita yang telah berada di U.K.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Kalau boleh diulang tidak berapa jejas, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setelah kita mendapat berita ini, apakah Kerajaan bercadang untuk membuat penyiasatan terhadap pelajar-pelajar kita yang berada di sana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Bila berita ini tersiar dalam surat khabar, bukan sahaja Yayasan Terengganu, pihak Kerajaan Negeri, tetapi beberapa agensi lain yang ada hubungannya terlibat dalam penghantaran, membuat penyiasatan masing-masing. Jadi jawapan-jawapan kita berdasarkan kepada maklumat yang kita terima, berdasarkan penyiasatan tadi. Jadi saya rasa Yang Berhormat Wakil Manir boleh menerima jaminan bahawa kita membuat penyiasatan, kita tidak biarkan hal ini berlaku begitu sahaja, seperti yang telah dijawab ataupun seperti laporan yang telah diberi oleh berapa orang yang bertanggungjawab mengenai hal ini, Dato' Yang di-Pertua.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan ketiga.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Wakil Batu Burok untuk mengemukakan soalan. Sebenarnya soalan Yang Berhormat yang ketiga ditolak, surat telah dihantar kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Berapa ramaikah tenaga buruh dan pecahan jenis perkhidmatan mereka dalam Majlis Perbandaran Kuala Terengganu bagi tahun 1992.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bilangan tenaga buruh mengikut bahagian dan pecahan jenis perkhidmatan di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu bagi tahun 1992 adalah seperti berikut:-

Bahagian Pentadbiran	- 75 orang
Bahagian Penilaian	- 2 orang
Bahagian Kewangan	- 2 orang
Bahagian Undang-undang (Pendakwaan)	- 3 orang
Bahagian Kesihatan/Rekreasi	- 347 orang
Bahagian Perancangan dan Pembangunan	- 144 orang

Jumlahnya :	574 orang
	=====

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Menilik dan memandang kepada bilangan itu besar tenaganya, apakah yang menghalang M.P.K.T daripada menjadikan bandar Kuala Terengganu ini bandar yang bersih dan berbau sedap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingat dengan tenaga-tenaga yang ada, dengan sokongan kerjasama orang ramai, semua-semua kita dapat lihat bandar ini bersih. Setakat ini alhamdulillah, adalah sikit-sikit sebanyak itu tabiat orang-orang, pergi buang-buang sampah ceruk-ceruk itu. Sekian Yang di-Pertua.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Yang di-Pertua M.P.K.T menganggap bandar ini bersih?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, alhamdulillah, setakat ini saya nampak ada orang kata baik-baik, ada orang kata tidak baik, adalah. Tetapi ramai kata baik, alhamdulillah, bersih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya pun tidak tahulah nilai masing-masing subjective, tadi dia kata dia pun fa'el begitu, saya pun hendak kata nilai baik pun dia kata fe'el begitu. Saya ada tengok gambar macam ini, dan ada kenyataan beberapa akhbar yang mengatakan tempat yang dianggap menjadi tarikan pelancong, mendukacitakan antaranya bandar Kuala Terengganu, apa komennya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, gambar ini merata ceruk, Kuala Lumpur pun keluar sampah-sampah sarap ini. Jadi kalau hak Terengganu itu dia orang hendak isi itu mungkin dia ambil pada satu ketika, dia hendak bubuh, hendak jadi cerita. Jadi hendak-hendak "Bulan Kebersihan", jadi adalah dia masuk, bila ada kotor, ada bersih. Jadi meminta kepada seluruh rakyat supaya bersih dan semua orang beri kerjasama jangan pergi kepada tabiat suka kotor. Barangkali Yang Berhormat Batu Burokpun setuju juga. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Tambahan dan penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Kalau jawab begitu sayapun rasa lega dihati tapi kadang-kadang satu tong sampah misallah di Kampung Bukit Bayas, satu tong sampah bagi seluruh kampung, di Gong Tok Nasek - 2 tong sampah, di Kuala Ibai ada 3 - ditarik balik satu, saya maklumpun tidak digantikan macam mana hendak buang sampah, di mana hendak buang sampah. Adakah ini cara ataupun perangai Yang di-Pertua M.P.K.T mentadbirkannya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rakyat bertambah tong bertambahlah, kita tambahlah, insya-Allah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua -

Sila jelaskan kepada Dewan prinsip serta Undang-undang bila Kerajaan membuat pengambilan balik tanah dalam Warta Negeri No.100 Bil.45 bertarikh 1 Januari, 1992?

27 September 1992

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Dato' Yang di-Pertua, Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34 Tahun 1960 membolehkan Pihak Berkuasa Negeri memperolehi mana-mana tanah yang diperlukan untuk mana tujuan awam, mengikut Seksyen 3 Akta tersebut.

Dalam hal ini Kerajaan Negeri telah mengambil tanah milik seluas 4.3038 hektar di Pulau Bidong untuk kegunaan Kerajaan Negeri pada masa akan datang sebagaimana kenyataan dalam Warta tersebut supaya kawasan yang telah diambil itu dapat dibangunkan semula untuk keseluruhan Pulau tersebut oleh Kerajaan Negeri pada masa akan datang bagi tujuan kepentingan nelayan. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan dan soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Benarlah Seksyen 3 Akta Pengambilan Balik (Pindaan) memberi peruntukan yang begitu luas tetapi mengambil sesuatu tanah rakyat untuk dilaburkan nilainya adalah suatu perkara yang "unconscienable" yang tidak mempunyai "hati kecil pertimbangan". Jadi adakah Kerajaan kita menjadikan falsafah untuk kerana Kerajaan ada duit merampas tanah rakyat dalam keadaan yang sedemikian?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah rampas tanah rakyat, tolong bagi tahulah kalau Kerajaan pernah rampas tanah rakyat. Segala-gala dibuat mengikut Aturan dan Peraturan Undang-undang Pengambilan Balik Tanah, pampasan diberi itu saja. Jadi saya dukacitalah Wakil Batu Burok membuat "sweeping statement" bercakap begitu, yang ini tidak betullah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, "rampas" diberi pampasan yang mungkin "reasonable" ataupun bermunasabah tetapi untuk dijadikan spekulasi untuk kegunaan masa depan sedangkan konsep Pengambilan Balik Tanahnya ialah untuk kegunaan yang segera dan mustahak sahaja walaupun Akta memberi begitu luas bidang kuasanya. Ini diambil tanah ini, untuk masa depan - mungkin 10 tahun, mungkin 30 tahun yang masa itu merugikan pampasan kepada rakyat yang pada hari ini yang terpaksa menyerahkan kepada Kerajaan kerana penguatkuasaan Akta.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita ini ada perancangan, kita tidak boleh buat hendak selalu ambil selalu, tidak boleh, perancangan, wawasan, wawasan 2020 saya harap Wakil Batu Burok faham. Jadi pengambilan balik tanah ini diambil balik dan dibicara, dibayar pampasan dengan begitu baik, "very reasonable" saya kata cukup-cukup adil, cukup-cukup baik, itu sahaja, tidak ada orang-orang bersungut lagi saya ingat, semua dapat duit itu senang belaka dah.

27 September 1992

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, saya katakan tadi melainkan ExCo tidak faham. Kita ambil tahun ini nilai mungkin \$10,000.00 seekar tetapi kegunaan 10 tahun lagi. Pada masa itu mungkin nilainya \$100,000.00 satu ekar, jadi rakyat rugi \$90,000.00 kerana Kerajaan bekukan tanah rakyat, inilah yang saya katakan Akta yang tidak menggambarkan keadilan kepada rakyat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tentulah bila Kerajaan hendak buat satu-satu, dia ada dengan perancangan dia, dan tanahnya mungkin naik, mungkin turun. Turun ikut mana? Kalau dia buat tempat penempatan orang dadah tanah turun, tempat orang-orang penyakit Aids bubuh di situ, tanah turun, ini dia boleh naik, boleh turun. Naik turun ini lumrah alam. Sekian, Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Soalan pertama -

Apakah bentuk penglibatan Kerajaan Terengganu dalam Persidangan Ulamak-Ulamak ASEAN yang telah diadakan pada 21 hingga 24 Julai 1992 di Primula Hotel.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Negeri Terengganu telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan tersebut yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Pusat.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah pembiayaan bagi persidangan tersebut dibiayai oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri sahaja atau secara bersama dan apakah resolusi-resolusi yang telah diambil dan sumbangan Kerajaan Negeri bagi menjayakan resolusi tersebut dan resolusi yang diambil manfaat oleh Kerajaan Negeri.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, persidangan ini dibiayai oleh Kerajaan Pusat iaitu sebanyak \$194,000.00 dan kita sebagai tuan rumah belanja untuk keramaian sebagai tetamu persidangan ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN AWANG: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berikutnya - Apakah tentang resolusi ini?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Di antara resolusi-resolusinya yang telah dibuat ialah untuk menentukan penggunaan

27 September 1992

sumber-sumber hukum selepas al-Quran dan al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qias.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN AWANG: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua -

Sila nyatakan perkara-perkara berikut mengenai perlombongan emas di Lubok Mandi :-

- i. Pelancaran Operasi
- ii. Cara usaha dan modal
- iii. Dasar pengambilan pekerja terhadap anak tempatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, perlombongan emas di Lubok Mandi, Marang pada masa ini sedang giat dalam perlaksanaan di mana kerja-kerja memungkah "over burden" ataupun persiapan kawasan lombong sedang berjalan, loji-loji sedang dipasang dan kawasan kolam takungan pembuangan sisa lombong juga sedang giat dilaksanakan pada masa ini. Kedudukan kemajuan perlaksanaan ialah pada kadar 80% setakat ini dan kalau sekiranya kerja berjalan licin maka adalah dijangka bahawa lombong ini termasuk kilangnya akan dapat disiapkan dan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini juga. Kaedah perlombongan yang digunakan bagi lombong emas di Lubok Mandi ini adalah satu kaedah yang dipanggil perlombongan secara "Open Beat" yang mengguna proses "Carbon-in-pulp" di dalam bahasa inggerisnya, dan juga dalam bahasa inggerisnya, proses chemical ini dipanggil sebagai proses Larut Resap. Modal yang telah dibayar oleh Syarikat PERMINT Minerals Sdn. Bhd. iaitu syarikat anak PERMINT yang sepenuhnya 100% setakat ini berjumlah \$2.5 juta adalah dijangkakan bila siap sepenuhnya projek ini akan memakan perbelanjaan kira-kira \$28 juta, Dato' Yang di-Pertua.

Berkenaan soalan yang ketiga iaitu dasar pengambilan pekerja, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini iaitu pada masa ini sejumlah 170 orang sedang bekerja menjayakan pembangunan dan pembinaan lombong serta kilang dan bila beroperasi adalah dijangkan seramai 290 orang pekerja akan terlibat di dalam operasi perlombongan ini serta juga kilang. Adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan Negeri Terengganu hendak mengendalikan sendiri kilang ini dengan menggunakan tenaga mahir dan keupayaan yang ada kepada anak Negeri Terengganu pada jangka panjangnya. Tetapi pada masa ini oleh kerana ia melibatkan teknologi yang belum lagi dikenali di negara ini dan teknologi inipun dibeli daripada negara asing maka kita terpaksa menggunakan tenaga mahir asing untuk memasang kilang-kilang

27 September 1992

dan bagi tujuan untuk memastikan bahawa kilang ini, loji ini serta juga perlombongan berjalan dengan sebaiknya.

PERMINT mempunyai rancangan dan sudahpun mengambil langkah-langkah melatih anak-anak tempatan untuk mengambil alih tenaga asing ini. Berkenaan dengan anak tempatan sebagaimana yang dimaksudkan iaitu "Anak Marang", saya suka menyatakan bahawa daripada 170 orang tenaga pekerja yang sedang terlibat di dalam pembangunan projek ini, 85 orang adalah terdiri daripada anak Daerah Marang, selainnya anak Negeri Terengganu. Sekian, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat ExCo menjelaskan tiga perkara:-

- i. Jangkaan nilai perolehan daripada perlombongan itu sama ada ianya memberi keuntungan ataupun tidak?
- ii. Tempoh masa "for life spent" perlombongan itu?
- iii. Apakah corak pemasaran bagi pengeluaran yang akan diperolehi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab - Suka saya menjelaskan bahawa sungguhpun saya berhasrat hendak menjawab soalan-soalan dalam Dewan tetapi soalan-soalan yang berkenaan dengan rahsia perniagaan tidak dapat saya berikan, ini boleh diberi secara yang lain.

Pertama sekali projek ini saya suka memberi kepastian dilaksanakan setelah kajian viability ataupun feasibility yang mendalam dan agak lama. Pada perkiraan pihak Perbadanan sudah tentu projek ini akan mendatangkan keuntungan. Kadar pengeluaran "capacity" projek ini, kilang ialah sebanyak 300 ribu tan setahun yang akan mengeluarkan jongkong emas yang pada masa ini kadar harganya iaitu pada kadar \$400 ringgit lebih 1 gram, adalah merupakan satu kuantiti yang akan memberikan keuntungan sekiranya dilombongan. "Life spent" projek ini di kawasan Lubok Mandi sahaja dianggarkan kira-kira enam, tujuh tahun. Selepas pada itu kawasan-kawasan lain akan diteroka dan jika sekiranya terdapat economic deposit maka kilang yang sama akan dapat digunakan. Kerja-kerja prospecting ataupun menyiasat deposit emas di kawasan-kawasan yang lain sedang giat dilaksanakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Corak pemasaran emas-emas ini akan dijual mengikut cara yang biasa di pasaran dunia dan mengikut laporan yang saya dapat daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, pihak ini sedang giat mencari pasaran di luar-luar negeri termasuk di Singapura, di Eropah dan juga di Amerika. Sekian Dato' Yang di-Pertua.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang ketiga ditolak, sekian terima kasih.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, sikit sahaja soalannya - Saya ingin tahu, tadi Yang Berhormat ada sebut berkenaan dengan sebahagian daripada logam emas ini hendak diproses melalui menggunakan acid maka oleh itu adakah kawasan "Toxic Waste" dikatakan ataupun tempat buang acid ini dijaga dengan rapi supaya ianya tidak mengalir ke sungai dan kepada "stream" kawasan tadi, sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN: Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua di atas prihatinnya Ahli Yang Berhormat itu terhadap masalah pencemaran. Di dalam proses chemical yang dipakai bagi kilang ini proses ini akan melibatkan penggunaan cynide iaitu satu kimia yang memang beracun tetapi cynide ini boleh dineutralisekan ataupun ditoxination kan yakni mengikut proses yang telah dirancang ini pembuangan sisa-sisa perlombongan akan ditakungkan di dalam sebuah lombong takungan yang saya katakan tadi sedang giat diusahakan yang melibatkan kawasan 100 ekar di situ dan takungan ini akan memastikan bahawa solid ataupun slurry hasil daripada proses loji tidak akan keluar terus ke sungai-sungai ataupun ke sumber air, yang akan keluar hanyalah air yang sudah dineutralisekan oleh kerana itu maka ini merupakan satu cara ataupun jaminan bahawa "cynide" yang terlibat dalam penggunaan proses ini tidak akan mendatangkan sebarang mudarat kepada kehidupan, lagi pula projek ini dijalankan dengan "close supervision" dengan izin, Dato' Yang di-Pertua daripada Jabatan Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya persilakan Wakil Jerteh.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. LATIF BIN MOHAMAD: Soalan No. 1 -

Apakah program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berakhlak mulia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam mewujudkan masyarakat yang berakhlak mulia, Kerajaan sebenarnya mempunyai terlalu banyak program. Di antaranya yang besar dan terpenting ialah:-

(1) Melalui Sistem Pendidikan - Pendidikan Agama dan moral

27 September 1992

terutamanya yang diajar mulai dari Pra-sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah sampai ke Institusi Pelajaran Tinggi di negeri dan negara kita ini.

- (2) Melalui Program Dakwah yang dijalankan secara khusus oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, Yayasan Islam dan Yayasan Pembangunan Keluarga.
- (3) Melalui Program-program tertentu seperti Penerapan Nilai-nilai Islam, Program Melahirkan Masyarakat Penyayang dan beberapa program yang serupa dengannya.
- (4) Melalui Perundangan, pertamanya Perundangan Islam, di mana peruntukan-peruntukan telah ditentukan untuk mencegah berlakunya perkara-perkara yang tidak baik, perkara-perkara yang terlarang di sisi agama dan banyak lagi hal-hal lain sebenarnya bercakap dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang berakhlak mulia.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Soalan tambahan sedikit Dato' Yang di-Pertua - Saya ucap terima kasih di atas penjelasan yang diberi oleh ExCo, tetapi di kawasan saya di Batu Burok, Pantai Batu Burok itu telahpun dijadikan kompleks pemaksiatan dan rekreasi - bagaimana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Kalau boleh Yang Berhormat Batu Burok menyatakan dengan tepat di mana hal ini, kompleks dan rekreasi pemaksiatan ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Di Batu Burok, Pantai Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau boleh diterangkan juga macam mana bentuk maksiat itu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Saya rasa dukacitalah pihak kerajaan tidak peka dengan rancangan mereka sendiri. Dipungah program "rocks", permainan-permainan yang bertentangan dengan susila Islam dan berbagai-bagai lagi. Yang Berhormat Dato' ExCo boleh duduk seminggu ataupun tiap-tiap petang tengok di situ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Saya duduk di situ lebih daripada seminggu tetapi tidak ada hal-hal yang pada andaian

mungkin, pada pendapat Yang Berhormat Batu Burok mungkin, yang dikatakan maksiat, barangkali kita boleh berkelahi tentang maksiat tidak di suatu benda dalam hal ini kalau diizinkan oleh Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Insyallah Dato' Yang di-Pertua, saya ingat krisis nilailah.

YANG BERTHORMAT HAJI ABD. LATIF BIN MOHAMAD: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Apabila usaha Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berakhlak mulia baru-baru ini ada satu peristiwa sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa yang berlaku di Besut apabila berlakunya Expo Pembangunan Besut Baru, benarkah tidak bahawa lebih daripada 10 pasangan berkhawat yang ditangkap oleh Pencegah Maksiat? Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Dato' Yang di-Pertua, minta maaf, saya tidak berapa jelas sebelah sini, kalau dapat diperjelaskan lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI ABD. LATIF BIN MOHAMAD: Dato' Yang di-Pertua, untuk mendapat penjelasan apa yang hendak saya tahu dan hasil daripada program-program Kerajaan yang mana satu daripada program yang dilancarkan di kawasan Besut baru-baru ini iaitu berhubung dengan Expo Pembangunan Besut Baru yang mana apakah Kerajaan tahu atau tidak bahawa 10 pasangan berkhawat sudah pun ditangkap oleh Pencegah Maksiat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Minta maaf Dato' Yang di-Pertua, kalau apa yang saya sebut ini, sebab saya tidak berapa jelas, yang saya tahu semasa berlakunya Expo Besut Baru, baru-baru ini terdapat 10 pasang berkhawat jadi kalau boleh dapat saya tahu berkhawat ini, di mana berkhawat ini takut berlakunya Expo Besut Baru, berkhawat di lain tadak kena mengena dengan Expo Besut Baru.

YANG BERTHORMAT HAJI ABD. LATIF BIN MOHAMAD: Soalan No. 2 -

Dalam usaha Kerajaan menggalak dan memajukan industri pelancongan di negeri ini seperti di Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Kapas, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat oleh pihak Kerajaan?

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG: Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk menggalak dan memajukan industri pelancongan di negeri ini Kerajaan telah menyediakan kemudahan asas dan juga promosi, di samping itu Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta terutama sekali kepada pemilik-pemilik tanah dan penduduk tempatan supaya melibatkan diri dengan menyediakan tempat-tempat penginapan dan juga

27 September 1992

menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABD. LATIF BIN MOHAMAD: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Soalan yang saya kemukakan di sini sebagai contoh seperti di Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Kapas, apa yang kita dapati bahawa peristiwa yang berlaku hasil daripada pusat-pusat pelancongan yang ditubuh oleh Kerajaan, dibangunkan oleh Kerajaan sama ada Kerajaan sedar atau tidak dia boleh mewujudkan suatu keadaan yang menambahkan keburukan lebih-lebih lagi tentang akhlak masyarakat di sekitar itu seperti di Pulau Perhentian yang saya sebut di sini. Apakah Kerajaan sedar bahawa anak-anak muda kita yang di sana sudahpun dipengaruhi oleh suasana dan keadaan yang terlalu buruk seperti menjadi peminum arak dan juga penjual arak dan lebih dari itu - minta penjelasan.

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG: Dato' Yang di-Pertua, pelancongan di Pulau Perhentian kebanyakan pengusaha-pengusaha chalet terdiri daripada orang-orang tempatan dan juga swasta. Yang ada di situ cuma TDM yang besar sedikit. Setakat daripada siasatan dan laporan yang kita terima pengusaha-pengusaha chalet terdiri daripada orang Besut sendiri, orang Kuala Besut; orang PAS pun ada, tidakpun menyediakan minuman-minuman keras di Pulau tersebut. Jadi laporan mengatakan ada kesan yang tidak baik terhadap golongan muda, saya rasa ini merupakan satu andaian sahaja. Sekian, terima kasih.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERTHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang BERTHORMAT Mulia, Dato' Yang di-Pertua, soalan susulan - Syarikat Redang Island Resort telah diberi oleh Kerajaan lebih kurang 500 ekar tanah di Pulau Redang dengan harga \$500 seekar kalau tidak salah saya, apa yang telah diberitahu kepada saya oleh kerana harga tanah yang diberi itu terlampau murah syarikat ini yang mempunyai modal yang berbayar berjumlah \$2 juta telah menjual 70% daripada saham Syarikat Redang Resort kepada Berjaya Leisure dengan harga \$35 juta ataupun satu saham berharga \$25 pada satu saham yang berharga \$1. Adakah Kerajaan tahu dan keadaan ini berlaku berhubung dengan Redang Resort Sdn. Bhd. ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG: Dato' Yang di-Pertua, soalan ini saya rasa dah lari jauh daripada soalan asal yang ditanya. Walaupun kita ada makluman-makluman yang terperinci tentang perkembangan di Pulau Redang itu saya rasa saya tidak hendak jawablah kerana soalan ini soalan yang berasingan sama sekali - perlu notis. Terima kasih.

27 September 1992

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya tarik balik soalan itu tadi.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang ketiga -

Adakah Kerajaan sedar tentang adanya pembinaan sebuah stesyen bas di Kampung air Tawar, Besut. Jika sedar apakah hubungan Kerajaan dengan projek ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN: Assalamualaikum warahmatullah, Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar berhubung dengan pembinaan stesyen bas di Pengkalan Nyireh yang mana Pejabat Daerah telah diberi peruntukan sebanyak \$159,000.00 oleh Kerajaan Pusat bagi pembinaan Perhentian Bas yang tersebut. Terima kasih Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sekarang saya menjemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan yang pertama Dato' Yang di-Pertua -

Sila nyatakan sumber pembiayaan dan aktiviti Syarikat Percetakan Yayasan Islam Berhad.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sumber pembiayaan syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. ialah hasil daripada pendapatan upahan mencetak dari Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pihak Swasta dan juga orang perseorangan.

Aktiviti Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. ialah mengambil upah mencetak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Dalam penerbitan Berita Darul Iman keluaran Mei dan Jun 1992 muka surat 17 di bawah tajuk Kerajaan Terengganu Terbit Al-Quran yang pertama di Malaysia. Saya ingin tahu berapa buah naskahkah yang telah dicetak sehingga sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat mahukan jumlah yang sebenar maka saya perlu notis kepada soalan Yang Berhormat.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Kalau jumlah itu berhajat kepada notis maka sudah berapa kali cetak, cetak Al-Quran itu sudah berapa kali dilakukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Semasa pelancaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormaⁿ Menteri Besar - yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Dato' Yang di-Pertua, semasa pelancaran itu dicetak, boleh berapa naskah masa cetak, masa pelancaran itu - tak ingat? ... (KETAWA) ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Tidak boleh hendak sebutlah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya bukan pekerja di Percetakan Yayasan Islam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Saya difahamkan pihak Percetakan Yayasan membeli sebuah mesin percetakan khususnya untuk mencetak Al-Quran. Daripada Institusi Kewangan manakah ianya dibeli dan berapakah harga, kos mesin tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, daripada modal Percetakan sendirilah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Tidak terlibat pinjaman bankkah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Hak orang berniaga adalah pinjaman, mesti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Oleh kerana diumumkan semasa hari perasmian bahawa target awal hendak cetak Al-Quran ini 80,000 naskah dan saya dapat tahu tidak cetak sebutirpun lagi. Apakah halangan, sebab-sebab yang menjadi halangan yang menyebabkan gagalnya untuk mencetak sehingga kini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam dapat makluman daripada mana itu, cetak tidak bersebutir lagi itu, daripada punca mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Dah tadi jawab tidak tahu tadi, saya tanya berapa buah naskah yang telah dicetak dan maklumat yang saya dapat memang tidak cetak lagi.

27 September 1992

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya kata tadi jumlah yang telah dicetak saya tidak tahu berapa jumlah yang sebenar, kemudian Yang Berhormat sebut sekarang ini tidak cetak sebutirpun lagi. Yang Berhormat tahu dah di mana, maklumat daripada mana tidak cetak bersebutir?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Jika sudah dicetak di manakah diedar Quran-quran yang telah dicetak itu, sebab saya cari juga di kedai-kedai buku takut-takut ada Quran cetakan Yayasan Islam Terengganu ini hendak beli, hendak buat ingatan dan hendak bagi ke orang-orang kampung tidak ada cetakan, habis di mana dia bagi, dia letak, cetak taruh dalam setorkah atau cetak bagi ke mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat daripada Manir jika diedarkan nanti senarai pendedaran itu akan pihak Percetakan hantar yang pertama kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Itu kalau akan dicetaklah, saya tidak berapa faham akan dicetak, yang akan dicetak nanti akan dihantar senarai kepada saya, terima kasihlah tapi hak yang telah dicetak ini saya hendak minta dipasar di mana saya hendak cari dulu sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Apabila dipasarkan nanti, sekarang ini sedang dicetak apabila dipasarkan nanti saya akan hantar kepada Yang Berhormat satu senarai utama tentang tempat-tempat pendedaran kita.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Dato' Yang di-Pertua, soalan kedua -

Berapa orangkah jumlah kakitangan pengurusan dan pekerja Syarikat Sutera Semai Sdn. Bhd.?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan pengurusan dan pekerja Syarikat Sutera Semai Sdn. Bhd. adalah 238 orang yang mana 96 orang daripadanya terdiri daripada pekerja sambilan dan kontrak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah benar dakwaan menyatakan Permint Sutera Semai Sdn. Bhd. tidak membayar Elaun Perumahan kepada pekerja-pekerja ladang dan Kilang Sutera di Tersat?

27 September 1992

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, semua pekerja-pekerja yang bekerja di mana-mana juga anak syarikat terutama sekali Kerajaan dia terletak di bawah Peraturan-Peraturan Pekerja-pekerja tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Tenaga dan kita sebagai sebuah agensi Kerajaan mesti mematuhi segala Peraturan ini.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya berharap dapat dinyatakan prestasi Syarikat Sutera Semai Sdn. Bhd. ini dari segi untung rugi yang di bawa ke hadapan, untung rugi yang dibawa ke hadapan. Sekian terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, soalnya berapa banyak bilangan kakitangan. Yang ini soalan lain perlu kepada notis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Dato' Yang di-Pertua, soalan yang saya kemukakan tadi - Adakah benar dakwaan yang mengatakan pihak Permint Sutera Semai tidak membayar Elaun Perumahan, tetapi tidak dijawab Dato' Yang di-Pertua. Benar ataupun tidak dakwaan yang mengatakan syarikat tidak bayar Elaun Perumahan kepada pekerja?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Boleh jadi terlewat bayar, saya katakan tadi semua sekali kita patuh kepada Aturan dan Peraturan Pekerja yang telah ditetapkan oleh Kementerian yang berkenaan. Boleh jadi terlewat atau terawal, ini pernah berlaku dalam mana-mana syarikat juga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Selain daripada Elaun Perumahan ada juga dakwaan yang mengatakan bahawa pihak pengurusan Permint Sutera Semai membuat potongan KWSP pekerjaanya tetapi tidak dibuat caruman kepada KWSP, adakah ini benar?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Ini sayapun berhajat kepada notis jugalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT: Saya harap dapat diberi jawapan. Terima kasih.

27 September 1992

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya masih lagi tidak faham di atas jawapan yang diberi kepada soalan saya tadi, saya harap dapat di "repeat" kan. Sekian terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, soalnya terlampau umum, untung rugi dari bila? Tentu berhajat kepada notis, kecuali ini sebuah komputer yang boleh kita tekan datang semua sekaligus. Ini sudah tubuh saya ingat semenjak 20 tahun jadi untung rugi hendak tiap-tiap tahun kita ada semua sekali oleh sebab itu tidak munasabah soalan ini yang disoal untuk dijawab sekarang.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kepada saya soalan ini adalah munasabah oleh kerana yang saya tanya untung rugi yang dibawa ke hadapan - rugikah, untungkah itu sahaja jawapan kalau hendak bagi. Bukan saya minta angka, bukan saya kata hendak minta sampai ke orang putih kata "last dollar" tidak. Hendak tahu untungkah rugi, itu sahaja saya hendak tahu, senang, jawab, kalau hendak jawab boleh beres. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, bentuk soalan yang di tanya lain. Kalau tanya untung rugi boleh jawab - rugi lagi.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia tidak hendak jawab satu benda yang dia kurang pasti. Kalau dia jawab untung, kan berapa pulak untung. Kalau jawab rugi, berapa rugi pula, soalan yang akan berterus. Jadi baiklah soalan sebegitu beri notis.

Oleh kerana masa kita sudah sampai satu jam, mengikut Peraturan Tetap Dewan kita Soalan-soalan Lisan boleh dibenar selama satu jam, lebih daripada itu menjadi hangat, oleh yang demikian, saya suka tangguhkan Dewan ini selama 1/2 jam untuk kita berehat minum teh dan soalan-soalan yang tidak terjawab lagi akan diberi dengan bertulis.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.47 PAGI.

27 September 1992

PUKUL 11.15 PAGI.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Tambahan Peruntukan Yang Kedua Kumpulanwang
Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan
Kemajuan Negeri tahun 1992.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mencadangkan -

" Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) Kepada Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan Tambahan Peruntukan Yang KEDUA daripada Kumpulanwang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1992 bagaimana ditentukan dalam Jadual di bawah ini:-

J A D U A L

<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Tambahan</u>
P.04	Pejabat Kewangan Negeri Terengganu	\$ 6,375,000.00
P.32	Pelbagai Perkhidmatan	\$ 4,400,000.00
	JUMLAH	\$10,775,000.00 "

Sekian, saya cadangkan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong USUL itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan.

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Ladang yang mana suatu permohonan Peruntukan Tambahan diperlukan bagi maksud Perbelanjaan dalam P.04 dan P.32 yang berjumlah sebanyak \$10.8 juta ataupun \$.775 juta. Satu perkara yang kita masih ingat mungkin bahawa pada persidangan kita dalam tahun yang lepas, yang membicarakan tentang Budget Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1992 rasa kita, Dewan ini juga telah meluluskan sebanyak lebih daripada \$100 juta, \$140 juta untuk tujuan pembangunan atau perbelanjaan bagi pembangunan negeri pada tahun 1992 ini. Dan memangnya peruntukan yang sebanyak \$140 juta lebih itu sebahagian besar daripada jumlah tambahan yang dipohon pada hari ini belum diperuntukkan dan belum lagi dianggarkan untuk dibelanjakan dalam projek-projek yang akan dibelanjakan daripada wang tambahan itu. Saya rasa Kerajaan Negeri haruslah menginsafi dan menyatakan kepada rakyat seluruhnya bahawa sejauh mana sebenarnya keupayaan Kerajaan Negeri di bidang kewangan, semasa membuat Anggaran Belanjawan pada tiap-tiap tahun. Tiap-tiap tahun rakyat dikemukakan dengan suatu Anggaran Belanjawan Pembangunan yang begitu tinggi. Sebenarnya bila rakyat melihat kepada angka Anggaran Belanjawan Pembangunan yang begitu tinggi, maka rakyat menunggu kepesatan perjalanan pembangunan bagi negeri Terengganu ini. Tetapi ramai rakyat yang hampa, kerana sebenarnya Kerajaan Negeri dari sudut kewangannya tidak mempunyai kewangan yang sejumlah yang ditunjukkan di dalam Anggaran Belanjawan itu. Oleh kerana itulah banyak kali kita menghadapi tuntutan Belanjawan Tambahan dan pada tahun ini dari jumlah Belanjawan Pembangunan Tambahan yang diperlukan \$10 juta lebih itu, adalah di antaranya kita rasakan suatu perkara yang mungkin tidak perlu dewasa ini, dan boleh ditangguh dalam saat di mana kita sekarang sudah berada di bulan September dan kita hanya ada beberapa bulan lagi dalam tahun 1992 ini. Antara lainnya saya ambil contoh iaitu sejumlah lebih-kurang \$1.8 juta lebih peruntukan tambahan yang diperlukan untuk membeli pejabat bagi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Saya rasa ini bukanlah suatu perkara mendesak bagi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu untuk mendapat sebuah pejabat yang cantik dan indah di dalam menunaikan tanggungjawab dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Jadi apakah perlunya diminta peruntukan tambahan ini sedangkan dengan bangunan yang ada, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tidak pernah melaporkan kesulitan pentadbirannya disebabkan oleh ketidakselesaian pejabatnya. Satu perkara yang aneh lagi ialah sejumlah \$1.8 juta itu hendak diberikan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu untuk membeli satu ruang daripada bangunan yang diadakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Saya rasa di antara sebab-sebab berlakunya tidak licin, kalau saya gunakan "kepincangan" di dalam perjalanan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu mungkin pihak Kerajaan akan mengata sesuatu kepada saya, tetapi saya yang juga terlibat di dalam Jawatankuasa Kira-Kira Kewangan

27 September 1992

Negeri, saya mengikuti sebenarnya prestasi Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ini bersama di bidang kewangannya, kita dapati sekarang ini Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu memang menghadapi permasalahan di dalam pengurusan dan perniagaannya. Tetapi sekarang ini bagaimana yang berlaku ialah bahawa permasalahan yang dihadapi oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu itu tidak cuba diselesaikan dengan cara yang bersungguh-sungguh dan mungkin saya ingin tahu apakah ini suatu cara yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan permasalahan dalam Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dengan menghendakki atau menuntut supaya Majlis Perbandaran Kuala Terengganu membeli sebahagian daripada ruang yang diadakan di bangunan S.E.D.C. ataupun Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu itu. Sekarang ini Kerajaan membeli Rumah Kerajaan melalui satu agensi lain. Sekarang Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu menyediakan ruang, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu membeli oleh sebab itu sekarang ini Kerajaan terpaksa mengadakan satu budget khusus untuk peruntukan tambahan di mana Kerajaan hendak beli rumah Kerajaan. Jadi inilah yang barangkali banyak kepincangan-kepincangan yang berlaku, masuk-keluar wang Kerajaan sebenarnya dalam keadaan yang memangnya saya rasakan \$1.8 juta untuk membeli satu ruang di Menara P.M.I.N.T. itu adalah satu peruntukan yang tidak mustahak berdasarkan kepada fakta yang saya katakan tadi, oleh sebab kekurangan perbelanjaan pembangunan kita maka sepatutnya Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tidak lagi membeli ruang itu pada tahun ini sehingga prestasi kewangannya lebih baik pada masa yang akan datang, itu satu.

Yang kedua, saya dapati sebahagian daripada wang sejumlah \$10.8 juta itu adalah untuk diberikan untuk membayar kos perbelanjaan membina Stesyen Bas di Kuala Terengganu. Saya melihat bahawa memang peruntukan asal ataupun Anggaran Kos Perbelanjaan pembinaan Stesyen Bas Kuala Terengganu memang memakan perbelanjaan dan peruntukan yang besar, tetapi satu perkara yang mustahak juga kita fikirkan dan patut difikirkan oleh perancang bahawa satu peruntukan yang telah diluluskan dalam budget yang lalu sebanyak \$2 juta untuk dibelanjakan pada tahun ini, apakah semasa membuat peruntukan itu tidak pernah difikirkan bahawa sesungguhnya perbelanjaan pengurusan pembinaan Stesyen Bas Kuala Terengganu itu akan memakan perbelanjaan yang lebih besar sehingga dia membuat peruntukan lebih awal, melulus peruntukan lebih awal dan tidak perlu kita membawa kepada suatu Usul untuk diluluskan sebagai Anggaran Belanjawan Tambahan bagi untuk kegunaan tersebut. Dan memang bila saya perhatikan kepada lain-lain perkara yang mustahak yang hendak dibelanjakan daripada peruntukan ini adalah sebahagiannya ialah terdapat di mana dalam budget yang lalu dalam buku-buku budget ini tidak disebut tetapi sengaja kemudian dalam perjalanan pentadbiran Kerajaan di sepanjang tahun ini maka dimasukkan perkara-perkara yang baru. Ini satu perkara yang saya

27 September 1992

rasa perbelanjaan yang ikut sesuka hati macam orang berjalan pergi ke pasar yang walaupun pada peringkat awalnya tidak ada niat hendak beli perkara-perkara yang umpamanya orang pergi ke pasar hendak beli daging, tidak ada niat pada peringkat awalnya hendak beli pinggan dan sebagainya, tetapi bila dia berjalan dalam pasar dia berjumpa pinggan bagus, dia beli pinggan, jadi duit hendak beli daging tidak cukup ataupun dia terpaksa menggunakan wang yang lain. Jadi kalau amalan yang seperti ini yang dilakukan oleh pihak Kerajaan maka Dewan terpaksa pada tiap-tiap kali diminta supaya meluluskan peruntukan untuk perbelanjaan yang telah dibelanjakan dan sebagaimana saya pernah sebut dalam Dewan-dewan yang lalu, satu perkara yang malang bagi Dewan ini ialah ia memperakui atau meluluskan perbelanjaan yang telah dibelanjakan walaupun nampak sebagaimana wang ini diminta untuk dibelanjakan tetapi itu adalah di peringkat Peraturan dan Undang-Undang tetapi di peringkat amalannya kemungkinan besar bahawa peruntukan itu sudah dibelanjakan memang dibelanjakan itu tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Dewan ini dan Dewan ini hanyalah memperakui di atas perbelanjaan yang telah dibelanjakan sejumlah yang tersebut itu sedangkan perbelanjaan dibuat terlebih awal. Jadi itulah perkara-perkara perhatian dan peringatan yang saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk menjadi perhatian kepada pihak Kerajaan pada masa yang akan datang ini lebih-lebih lagi dalam menentukan Peruntukan Pembangunan bagi negeri ini hendaklah mencerminkan keadaan, kedudukan kewangan yang sebenarnya bagi Kerajaan Negeri Terengganu.

Sekian.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, ada sesiapa yang hendak bercakap lagi? Jika ada, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya menggunakan masa yang sedikit yang diberi kepada saya ini oleh kerana di dalam Dewan yang mulia ini saya lihat dua wajah baru, saya rasa ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan yang baru, dan juga Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baru ke Dewan Persidangan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah dan selalu saya perkatakan, di dalam kita menghadapi permohonan permintaan Belanjawan Tambahan ataupun "Application for Supplementary Vote" kita hendaklah melihat kepada teori dan falsafahnya sama ada ianya mengikut cara-cara teori dan falsafah di bawah Peraturan dan Kaedah itu dan tidaklah munasabah sesuatu permohonan untuk Belanjawan Tambahan itu dijadikan suatu proses gantian kepada proses pembentangan Belanjawan Tahunan Negeri. Dalam permohonan yang dibuat di hadapan kita pada hari

27 September 1992

ini, jelas di bawah - Saya pergi kepada dua peruntukan, yang pertamanya yang tidak diberi peruntukan terdahulunya iaitulah Peruntukan Anggaran Lampiran 'B'. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, peruntukan Dalam Anggaran tidak ada, tambahan yang dikehendaki \$3 juta. Dan yang keduanya, Peruntukan Dalam Anggaran di bawah Pembangunan peruntukan tidak ada, tambahan dikehendaki \$1.875 juta. Yang satu laginya kepada Babena, peruntukan dalam Anggaran tidak ada, tambahan dikehendaki \$1.5 juta.

Ketiga-tiga butiran ini kalau kita lihat, sepatutnya dan semestinyalah boleh diprogramkan di dalam masa kita membuat Budget ataupun Peruntukan Belanjawan Negeri dan sekarang ini kita telah sampai ke bulan September di mana tenaga Negeri digunakan untuk membuat rencana bagi Belanjawan yang akan dikemukakan kepada Dewan hujung tahun ini insya-Aillah. Dan bukannya permohonan tambahan ini, diada-adakan yang mana tidak ada peruntukan yang dirancangan terlebih dahulu lainlah seperti mana satu peruntukannya yang telahpun dirancangan oleh Kerajaan dan diletakkan sebagai "token" nilai sebenarnya belum lagi dapat diketahui tetapi rancangan "feasibility study" ataupun kajian kemungkinan telahpun selesai tetapi jumlah kos perbelanjaannya belum ditentukan lagi maka munasabahlah dikemukakan setelah kita dapat menentukan harga nilainya untuk memohon di bawah peruntukan ini. Tetapi untuk mengadakan satu butiran belanjawan yang baru ialah suatu benda menggantikan proses-proses kelulusan Belanjawan Tahunan menerusi permohonan Belanjawan Tambahan. Ini adalah suatu perkara dan kaedah yang tidak mengikut peratoran yang sebenarnya.

Dato' Yang di-Pertua di bawah B.04 dan ia ada tiga peruntukan di sini, Lampiran 'A' Tambahan Peruntukan dikehendaki bagi menampung perbelanjaan sehingga akhir tahun. Peruntukan dalam Anggaran \$1 juta, tambahan dikehendaki \$3.5 juta, tambahan yang disyorkan \$3.5 juta. Peruntukan dalam Anggaran \$1 juta, tambahan dikehendaki \$500,000.00, tambahan yang disyorkan \$500,000.00. Tambahan ini diperlukan untuk tambahan peruntukan dikehendaki bagi menampung perbelanjaan sehingga akhir tahun. Dato' Yang di-Pertua, inilah perlunya sebelum sesuatu budget ataupun kewangan tahunan itu dikemukakan kepada Dewan, pihak Kerajaan meneliti dan membuat rancangan. Rancangan apakah dan berapa banyakkah peruntukan yang diperlukan bagi dibelanjakan pada tahun yang hendak diluluskan pada tahun itu belanjawannya. Kalaulah peruntukan hanya \$1 juta dan diminta tambahannya \$1.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua penjelasan - Hak mana baca ini? Jangan semarbo ini - hak mana ini?

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Saya minta maaf, saya tarik semula. Dato' Yang di-Pertua, inilah sepertimana yang saya membuat pertanyaan di awal tadi berhubung dengan pengambilan balik tanah di Pulau Bidong. Perkara yang mestilah dirancangkan terlebih dahulu, bukannya perkara yang hendak disempurnakan bagi masa depan dan kita telah buat dengan was-was bukannya wawasan tetapi was-was kita telah mengadakan sesuatu perkara untuk dibelanjakan. Dengan yang demikian Dato' Yang di-Pertua, bagi masa-masa hadapan saya mengharapkan supaya Jawatankuasa yang menyediakan peruntukan Belanjawan bagi Negeri Terengganu hendaklah lebih cermat dan memohon kepada Dewan untuk diluluskan Belanjawan Tambahan hanyalah pada perkara-perkara yang telah sedia ada dan diperjelaskan butiran yang sebenarnya sahaja.

Yang kedua Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit apa yang telahpun disampaikan oleh Yang Berhormat Wakil Manir tadi, Kerajaan membeli harta kerajaan - bila dan bagaimana? Kerajaan telah mengambil dasar untuk menjual sebahagian daripada harta Perbadanannya iaitu S.E.D.C. kepada M.P.K.T. dan pada hari ini M.P.K.T. yang juga tidak mempunyai peruntukan kewangan membuat permohonan untuk pinjaman daripada Kerajaan Negeri untuk beli satu harta Kerajaan yang dahulunya disewa daripada Kerajaan. Dan kalaulah menjadi dasar S.E.D.C. untuk menjual Menara S.E.D.C. (P.M.I.N.T.) ini, maka Menara ini akan hanya tinggal nama sahaja tetapi dijual kepada orang yang lain. Ini mestilah tidak dijadikan dasar dan saya mencadangkan supaya Bangunan Menara P.M.I.N.T. ini tidak dijadikan bangunan untuk jualan walaupun kepada Perbadanan dalam negeri sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada dua orang Yang Berhormat Wakil Manir dan Wakil Batu Burok kerana membuat komen, ulasan yang begitu panjang lebar berkisar atas dua tiga perkara ini. Sebenarnya Kerajaan telah membuat perancangan yang terperinci, kerana dia tidak faham, dia salah faham, itulah baguslah dia bangkit itu biar saya jelas perkara ini. Ini semua telah diperuntukkan dalam Perbelanjaan Pembangunan kita sebanyak \$255 juta yang diminta hanya \$10 juta sahaja iaitu lebih kurang 3.8%, lebih kurang 4% tetapi di dalam dunia ini siapa boleh membuat Budget yang "perfect", tidak ada yang betul "atas tong". Jadi lebih kurang 5%, 10% itu perkara biasa "plus minus", campur tolak.

Pergi kepada bangunan yang M.P.K.T. beli dengan S.E.D.C. kedua-duanya adalah agensi Kerajaan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. M.P.K.T. telah membeli ini dan disetujui oleh S.E.D.C., beli, jadi hendak bayar

27 September 1992

ini hak pitis ini diminta di sini. Ini kedua-dua ini anak Kerajaan, agensi Kerajaan.

Satu lagi mengenai dengan Stesyen Bas, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada mulanya diperuntukkan \$2 juta hendak buat Stesyen Bas ini yang berharga tender dia lebih kurang \$11 juta. Kita ingat \$2 juta ini untuk tahun ini sahaja tetapi kerja itu laju, cepat, ini yang bagus ini. Saya melawat semalam kerjanya hampir siap 50% sepatutnya kerja dia 20% sahaja, ini baik ini, ini satu petanda yang baik. Jadi projek ini tidak gagal, jadi orang tukang buat itu membuat dengan cepat, ini akan menyelamatkan kewangan ini. Ini bijak kerajaan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta \$40.5 juta, ini hendak beri faham kepada Wakil Batu Burok dan Wakil Manir dia memang tidak tahu tapi saya beri faham, bagus dia bawa perkara ini. Jadi soal ini adalah kita membelanjakan lebih

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Kerajaan memperuntukkan \$2 juta itu dalam Anggaran Kerajaan, proses pembinaan itu memakan belanja \$2 juta sahaja tetapi jadi kena tambah \$4.4 juta, Wakil Ladang kata Kerajaan cerdik, cerdik apa begitu anggaran 2 jagi 6. Ini makna tidak anggaran, dalam perbelanjaan, dalam anggaran. Kami tadi tanya peruntukan pembangunan ada \$200 juta lebih daripada kewangan Negeri, daripada negeri tetapi ada butir-butirnya yang telah ditentukan, tetapi yang minta tambah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu hendak beli bangunan tidak dalam butir-butir perbelanjaan, dibelanja benda yang tidak ada dalam butir lagi, hak tidak rancang, beli. Inilah satu perbelanjaan yang memang tidak mengikut peraturan, ini yang kita sebutkan tadi, apakah kita telah belanjakan apa yang telah dibutir keseluruhannya yang menyebabkan kita belanja perkara yang tidak ada di dalam butir-butir itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, tidak usah panjang-panjanglah, mari hendak cerita. \$2 juta dianggarkan belanja tahun ini, kemajuan, bayaran kemajuan, tetapi kemajuan ini ...

YANG BERTHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Ini maknalah anggaran Kerajaan meleset, itulah maknanya anggaran Kerajaan belanja \$2 juta anggaran Kerajaan itu meleset, belanja naik dua kali ganda lagi, inilah kita cakap.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, anggaran tidak meleset, anggaran Kerajaan, memang bagus ini, bayaran progress dijangka \$2 juta, sekarang dia punya siap itu 50%, \$4.5 juta kena siap hari ini kerana kerja cepat, rakyat hendak tempat bas yang baik, Yang Berhormat pun hendak pergi round-round juga. Sesak

27 September 1992

sekali dah, dekat bas sama dengan asap, dengan apanya, macam hendak berlanggar orang. Harga kontrak tidak berubah \$11 juta, biar faham, ini kerana tidak retilah ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang di-Pertua, kita cakap tadi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu tidak ada dalam rancangan beli juga rumah ini, ini orang cerdik kah orang tidak cerdik. Ini kita tanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat, ini cerdiklah kata tidak payah buat bangunan baru dalam bandar ... (KETAWA) ... Senang untuk rakyat mari, turun bas pergi naik ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Ke hendak pindah duduk tempat sedap, yang lari hak asal itu fasal apa benda?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: ... Apa gak Wakil Batu Burok ini ... (KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' M.P.K.T hendak duduk bangunan tinggikah? Dah ada dah itu harikan - pejabat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, semua orang hendak tinggi belaka, senang tengok, apa Wakil Batu Burok buat, rakyat dia buat hendak tengok, kita hendak, Tuhan beri kita kohor dekat nun.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Barangkali Wakil Ladang ini duduk dekat Wakil Telemong dia pakai falsafah "Biar Papa Asal Bergaya" itulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jadi ini tidak guna kita habis masa hak tidak beri faedah, kita hendak jelas hak ini, itulah keperluannya dan bangunan ini telah diberli oleh M.P.K.T dengan harga lebih kurang dalam \$10 ke \$11 juta kalau tidak salah ingatan saya ini hendak bayar hendak mencukupkan bayar kepada S.E.D.C, satu agensi Kerajaan lagi. Tambahan stesyen bas tadi kerana kerja laju, bukankah baik ini, tidak terima kasih kepada Kerajaankah, hak begini? Ini kata duduk nampak hak lain belit, hak lain saja, ini benda yang baik, kita ambil daripada peruntukan pembangunan yang telah diluluskan, ada \$255 juta hendak digunakan \$10 juta lebih, lebih kurang 3.8% dan dia punya 3.8% adalah satu benda yang kecil. Kalau kita ambil "error" dia, kesilapan itu, 10% campur, 10% tolak itu cara dia. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan, saya pohon penjelasan daripada Yang

27 September 1992

Berhormat Manir kerana dia sebut Wakil Telemong sani "Biar Pape Asal Bergaye, itu bende ape gok"

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, saya tidak kata "biar pape", biar pap...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL:"biar papa" itu maksud Yang Berhormat daripada Manir kalau apa yang saya buat itu, orang lainpun nampak buat juga.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Saya tidak faham Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Kalau Yang Berhormat maksudkan apa yang saya buat itu, nampak orang lainpun buat juga nampaknya. Barangkali orang lainpun hendak bergaya juga, barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Fahamlah, sama-sama fahamlah. (KETAWA) ...

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui-kan dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

27 September 1992

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN

(1992) 1992

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI YUSOF BIN MUSA: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1992) 1992 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (1992) 1992 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini untuk mendapat kuasa berkanun bagi membuat pembayaran tambahan tertentu bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 1992 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1992) 1991.

Saya kemukakan.

YANG BERHORMAT HAJI YUSOF BIN MUSA: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa hendak bercakap?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil masa untuk memberikan perhatian kepada beberapa perkara yang terdapat di dalam Rang Enakmen yang dikemukakan sekejap tadi. Yang pertama, dalam

27 September 1992

perkara B.04 - satu peruntukan tambahan bagi kewangan Negeri sebanyak \$4 juta yang akan dibelanjakan pada dua perkara iaitu:-

- \$500,000.00 atau \$0.5 juta untuk Yayasan Pembangunan Keluarga; dan
- \$3.5 juta adalah untuk dicarumkan kepada Muasassah Gadaian Islam Negeri Terengganu.

Mengikut perkembangan-perkembangan dan aktiviti-aktiviti Yayasan Pembangunan Keluarga (Islam) di Negeri Terengganu ini, bila diperhatikan pada aktiviti-aktivitinya, maka sesungguhnya wang yang telah diperuntukkan sebanyak \$1 juta di dalam budget yang lalu mungkin tidak boleh habis kalau sekiranya Yayasan ini pandai membelanjakan atau pandai menjimatkan harta Kerajaan, maka saya rasa tambahan ini tidak diperlukan. Sebab bila kita melihat kepada kegiatan-kegiatannya adalah terlalu sedikit, dan tertumpu di antara lainnya kepada pembinaan Kelas-kelas TASKA yang sememangnya perkembangan yang berlaku itu tidak mustahak kepada perbelanjaan yang banyak. Terutama sekali saya kira untuk mengadakan Kelas-kelas TASKA di daerah-daerah tidak perlu kepada bangunan-bangunan baru, banyak bangunan-bangunan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan yang tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Umpamanya bangunan balairaya yang bercambah di sana sini yang tidak digunakan secara yang sebaik-baiknya boleh digunakan untuk Kelas-kelas TASKA yang diadakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga, maka dia tidak perlu kepada suatu perbelanjaan yang lain untuk membina bangunan-bangunan baru. Namun demikian, orang yang bertanggungjawab dalam Yayasan Pembangunan Keluarga ini mengambil inisiatif untuk membina tapak-tapak baru bagi kelas-kelas yang berkenaan. Kemudian melihat kepada aktiviti-aktiviti yang diadakan, memangnya aktiviti-aktiviti itu tidak perlu kepada perbelanjaan yang banyak. Mengadakan Kursus Perkahwinan, inilah satu perkara yang saya rasa, kahwin ini tidak payah kursus, orang yang tidak ikuti kursus pun pandai kahwin umpamanya sahabat saya Wakil Telemong, dia boleh kahwin dua, walaupun tidak ikuti kursus sekali... (KETAWA) ... Jadi Kerajaan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada sahabat daripada Manir seorang tolong sebut gak, jangan sebut Telemong sahaja, sebut sahabat Yang Berhormat yang lain jugak. (KETAWA) ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: ...Saya rasa Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua lebih arif daripada saya tentang perkara ini (KETAWA)... Jadi ...

27 September 1992

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Manir sebenarnya hendak, tetapi takut ... (KETAWA) ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB: ... Jadi, saya rasa, Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja yang tidak payah dilakukan, dilakukan oleh Kerajaan, oleh pihak Yayasan ini yang mana natijah dan hasilnya mungkin tidak begitu besar tetapi belanjanya besar. Saya perhatikan di dalam pentadbiran pihak Kerajaan ini, saya dapati kos perbelanjaan pentadbiran lebih banyak daripada hasil yang dicapai daripada matlamat. Jadi kalau cakap orang kampung saya dia kata "tali hidung, beli tali hidung lebih banyak daripada beli kerbau" masa beli kerbau sikit sahaja belanja tetapi beli "tali hidung kerbau" itu yang lebih besar belanjanya daripada beli kerbau. Jadi hasil yang kita perolehi sedikit tetapi wang yang kita belanja terlalu banyak. Jadi oleh sebab itu perbelanjaan wang Kerajaan pada masa akan datang oleh agensi-agensi Kerajaan hendaklah diambil kira kedudukan kewangan dan perkara-perkara yang boleh dijimat maka seharusnya ditadbir secara jimat cermat.

Satu perkara lagi saya rasa kursus-kursus yang diadakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga yang diadakan oleh Kerajaan Negeri pada masa yang akan datang kursus-kursus yang lebih penting dan lebih mustahak seharusnya diadakan lebih-lebih lagi dalam perkara yang melibatkan kebimbangan kita di kalangan muda-mudi kita dan saya kira kursus-kursus yang melibatkan pembetulan yang melibatkan pembentukan dan pembinaan muda-mudi kita yang sepatutnya juga diadakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga ini diadakan dalam bentuk yang terlalu sedikit yang perlu diberi penumpuan. Dan ini sebenarnya hasil daripada gejala-gejala yang tidak sihat yang dapat kita faham bahawa kenapa kursus-kursus Pembangunan Keluarga Islam ini seperti dilakukan ialah hasil daripada kegagalan kita daripada membentuk suatu dasar pendidikan yang baik untuk melahirkan keluarga yang baik, memahami tanggungjawab dan tugas sama ada daripada pihak ibubapa ataupun daripada anak-anak sendiri.

Yang kedua, daripada B.04 juga ialah \$3.5 juta untuk dicarumkan kepada Muasassah Gadaian Islam: Perkara ini juga saya rasa satu perkara yang mustahak dan perlu kepada Muasassah Gadaian Islam ialah bahawa ia dapat menyediakan suatu peruntukan yang lebih besar lagi untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat pada hari ini bukan sejumlah itu sahaja. Sekarang ini saya nampak kegiatan yang dilakukan oleh Muasassah Gadaian Islam adalah ditumpu kepada keperluan-keperluan yang kecil sahaja tetapi seharusnya Muasassah Gadaian Islam ini boleh mengganti usaha-usaha yang dilakukan oleh Bank-bank atau Institusi-institusi kewangan yang tidak berorientasikan secara Islam, kalau sekiranya muasasah gadaian Islam ini boleh mengambil tempat al-Rahnun iaitu

27 September 1992

gadai di dalam Fekah Islam secara yang lengkap dan menyeluruh maka adalah suatu perkara yang banyak manfaatnya kepada rakyat pertama sekali kepada orang-orang yang ingin berurusniaga mengikut cara Islam.

Kemudian dalam perkara B.32 saya ingin menyentuhkan satu peruntukan yang diminta sebanyak \$2 juta untuk tambahan tapi matlamat dan tujuannya ialah untuk Bantuan Am. Di dalam butiran yang sama pada budget yang lalu Dewan ini telah meluluskan sebanyak \$29.4 juta untuk tujuan dan matlamat yang tersebut. Jadi Bantuan Am ini bagi kami daripada Parti Pembangkang adalah suatu perkara yang terlalu umum yang kami tidak dapat melihat butir-butir yang baik kecuali dalam peruntukan sebanyak \$2.3 juta itu untuk membeli peralatan hospital kemudian dalam \$7 juta adalah untuk Bantuan Am. Apakah yang dikatakan bentuk Bantuan Am yang tidak dibutirkan dan melalui peruntukan inilah saya kira banyak sekali wang rakyat dibelanjakan kadang-kadang untuk manfaat dan kepentingan segeintir manusia sahaja dan untuk kepentingan mungkin parti-parti politik yang berkenaan sahaja tidak bertujuan untuk keseluruhan rakyat. Saya bimbang daripada butiran ini yang untuk Bantuan Am ini dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya, amat malang kalau sekiranya peruntukan yang sebanyak \$29.4 juta yang lalu dan ditambah pula dengan \$2 juta yang baru ini disalahgunakan di dalam perbelanjaannya. Kita bimbang dalam pilihannya-pilihannya kecil duit inilah yang dibelanjakan, semuanya duit Kerajaan tetapi adalah dibelanja untuk kepentingan parti politik tertentu. Kita bimbang tuntutan-tuntutan bayaran daripada perbelanjaan ini di antaranya, kain-kain batik, kain-kain pelikat yang dibahagi-bahagikan kepada pengundi-pengundi di kawasan pilihanraya kecil ataupun kawasan-kawasan yang lain di atas nama Bantuan Am. Ini satu perkara yang dibimbang, bukan saya tuduh, dibimbangkan manakala berlaku itu adalah satu perkara yang amat malang kerana butir ini terlalu umum. Jadi oleh sebab itu saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, amat berbesar hati dan merasa gembira sekiranya sebahagian daripada Butiran-butiran Am, Perbelanjaan Am, Bantuan Am daripada butir B.32 itu yang diminta tambahannya sebanyak \$2 juta yang dulunya sebanyak \$29 juta lebih yang telah diluluskan akan dapat diberikan gambaran yang lebih jelas sehingga keraguan dan kesangsian kami bahawa sebahagian daripada wang tersebut untuk dibeli kain pelikat, kain batik ataupun lain-lainnya untuk dibahagikan kepada pengundi ini adalah suatu anggapan yang tidak benar dan saya rasa bergembira kalau anggapan itu tidak benar dan kalau anggapan itu benar adalah satu perkara yang mendukacitakan. Sekian.

YANG BERTHOKMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap? Kalau tidak ada saya persila pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG AMAT BERTHOKMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari

Manir yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai peruntukan tambahan yang saya minta sebentar tadi. Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perbelanjaan Yayasan Pembangunan Keluarga bagi mendirikan nursery-nursery baru di daerah-daerah dan beberapa kawasan. Saya suka menjelaskan bahawasanya Kerajaan berpendapat dengan wujudnya nursery-nursery yang kita wujud pada hari ini amat memberi kesan terhadap pembangunan insan dan pendidikan kanak-kanak serta memberi kemudahan kepada ibu bapa terutama sekali yang bekerja suami isteri. Sungguhpun begitu bayaran yang diberi tidak begitu mahal tetapi bagi rakyat yang miskin menghadapi kesusahan juga untuk menghantar anak-anak mereka ke tempat ini jika suami isteri kedua-duanya bekerja. Sebab itu Kerajaan telah merancang untuk menubuh banyak lagi Nursery-nursery Desa terutama sekali di kawasan nelayan, kawasan-kawasan petani supaya mereka dapat menghantar anak-anak mereka ke TASKI ini, ke Taman Asuhan Kecil ini dengan bayaran yang paling murah dan berkemampuan untuk keluarga ini membayar bagi anak-anak mereka iaitu di antara 50 hingga \$1.00 bagi satu hari dihantar anak-anak ini. Dan mengenai bangunan nursery yang kita bangun ini tentulah teratur, baik, kerana kita hendak mendidik anak-anak, yang lahir daripada perut ibu sehingga meningkat kepada umur 3 atau 4 tahun. Kalaulah kita buat sebagaimana yang dicadangkan oleh ahli Yang Berhormat itu di balai-balai raya ataupun di mana kita hendak buat, kita kepung lebih kurang dengan kayu-kayu reja, barangkali tidak siapa yang hendak hantar dan ini meyulit dan menyusahkan anak-anak. Sebab itu kita sebagai menjaga kualiti, kesempurnaan mestilah kita memberi peruntukan yang sempurna bagi pembinaan nursery-nursery ini supaya kita dapat lahirkan anak-anak kita yang baik.

Kedua, Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai Bantuan Am: Bantuan Am yang telah kita gunakan oleh kerana Terengganu dikenali sebagai sebuah negeri yang ada duit, semua sekali masing-masing meminta peruntukan dan bantuan daripada kita dalam apa jua. Selain daripada itu kita terpaksa terutama sekali bagi mendirikan masjid-masjid, surau-surau bukan sahaja di negeri Terengganu, tetapi di luar Negeri Terengganu dan juga di luar negari kita terutama sekali bagi pelajar-pelajar kita yang ada di U.K., di Amerika yang bercadang dan telahpun mengumpul duit bagi membina masjid surau dan kita terpaksa menghantar bagi membantu kemudahan-kemudahan beribadat kepada anak ini. Begitu juga kita dapati ada di kalangan-kalangan masyarakat kita yang terpaksa membuat perubatan yang menelan belanja kadang-kadang berpuluh-puluh ribu ringgit dan mereka tidak mampu untuk membayar kos perubatan ini dan sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita mesti membantu mereka, keluarga yang seumpama ini tanpa mengira apa bangsa dan fahaman mereka dan ini banyak kita lakukan terutama sekali di masa-masa yang akhir ini.

Soalan cadangan Yang Berhormat Gadaian Islam ini, supaya kita satu masa kelak beri pinjaman yang lebih besar supaya kita dapat menampung

27 September 1992

bank-bank yang ada: Kita mesti faham bahawasanya ini bagi kumpulan kecil yang mahu di antara \$1,000 hingga \$5,000, yang lebih daripada itu dia kena pergi ke bank. Begitu juga dalam soal-soal persekolahan, kita tidak boleh tubuh universiti terus, yang sekolah rendah mesti ada juga, sekolah menengah, baru pergi universiti. Jadi sebab itulah penyusunan ini ada cara-caranya yang boleh kita menolong golongan-golongan tertentu dan bagi pihak bank kalau kita hendak berurusan dengan secara Islam kita pergi ke Bank Islam sebagaimana yang telah diwujudkan oleh Kerajaan dan saya difahamkan bahawa Kerajaan sedang menimbang untuk memberi lesen-lesen bagi meluaskan lagi kepada Bank-bank Perdagangan yang ada pada hari ini untuk dijalankan secara sistem Islam sebagaimana yang telah dijalankan oleh Bank Islam itu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Manir mengenai latihan kepada belia-belia. Ini bukan tugas kepada Yayasan Pembangunan Keluarga, tetapi kita ada agensi tertentu yang memberi latihan-latihan tertentu terutama sekali Yayasan Islam, Yayasan Terengganu, Pejabat Belia Negeri yang memberi kursus-kursus yang seumpama ini. Menyentuh soal Kursus Perkahwinan, ini amat penting bagi seseorang yang mahu berkahwin, yang dah rasa pandai tidak apalah dia boleh berkahwin tetapi rasa tanggungjawab bagi melahirkan satu masyarakat dan keluarga yang bahagia pihak Yayasan rasa adalah perlu, dia sekali sekala mengadakan kursus yang seumpama ini. Jadi sebab itulah kita perlu mengadakan kursus-kursus yang seumpama ini bagi memupuk sebuah keluarga yang brkasih sayang dan dapat melahirkan anak yang boleh memberi guna kepada bangsa, ugama dan tanah air.

Sekian, saya kemukakan untuk diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (1992) 1992 dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1992) 1992 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

27 September 1992

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1992) 1992 TELAH
DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH
DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI YUSOF BIN MUSA: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1992) 1992 DIBACA KALI YANG
KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 4 Tahun 1992.

27 September 1992

ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990
(PINDAAN) 1992

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990 (PINDAAN) 1992
DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (Pindaan) 1992 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membri kuasa kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri menggunakan wang tabung tersebut bagi tujuan mana-mana perkara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, dengan syarat terlebih dahulu sebelum membuat sedemikian Lembaga tersebut mestilah mendapat kebenaran Pitak Berkuasa Negeri.

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

Sila.

YANG AMAT MULIA TENCKU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENCKU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Pindaan Rang Undang-undang

27 September 1992

Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri bagi tahun 1990 di bawah Seksyen 6 Enakmen Tr. 2/90 yang dibentangkan di Dewan yang mulia pada hari ini. Marilah kita bersama-sama mengembalikan ingatan tentang falsafah, dan objektif penubuhan Tabung Amanah Warisan Negeri yang telah ditubuhkan pada 12hb November, 1990. Berpandukan kepada Enakmen ini, di bawah Seksyen 5(a) dengan jelas membolehkan Tabung ini menerima caruman secara tahunan sebanyak 30 juta atau 15% yang mana lebih tinggi daripada Wang Yang Disatukan dari hasil royalty petroleum dan gas. Dengan ini jelaslah kepada kita bahawa caruman yang dibuat ke dalam tabung ini merupakan hak wang rakyat yang perlu dijaga dan diawasi dengan sebaik yang mungkin agar ianya tidak tergelincir dari landasan yang telah dibuat bagi memenuhi impian dan harapan seluruh lapisan rakyat negeri Terengganu pada masa kini dan juga untuk generasi akan datang. Saya percaya kita masih ingat lagi kepada ikrar yang dibuat berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di satu ketika dahulu melalui akhbar dan television dan juga melalui radio dengan begitu besemangat mengumumkan bahawa 5% daripada hasil minyak yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. pada rakyat negeri Terengganu ini akan disimpan dan dilaburkan ke dalam berbagai-bagai institusi kewangan dan syarikat-syarikat tertentu dan dari hasil keuntungan ini akan disimpan untuk digunakan bagi generasi akan datang. Selepas 13 tahun kita memperolehi hasil minyak masih lagi samar-samar, apakah yang dimaksudkan konsep simpanan untuk generasi akan datang ini oleh kerana setakat ini kita belum lagi melihat ataupun diberitahu garis panduan konsep simpanan untuk generasi akan datang ini. Maka dengan hasrat inilah agaknya badan yang dinamakan Perbadanan Tubuh Menteri Besar ataupun T.M.B. telah digunakan sebagai badan pelaburan dari hasil minyak 5% yang diperolehi pada waktu itu. Pada hari ini juga kita telah didedahkan kepada satu Enakmen baru yang dinamakan Tabung Amanah Warisan Negeri Tahun 1990 yang mana Seksyen 6 tersebut hendak dipinda. Saya dapati Enakmen ini keseluruhannya adalah kemas dari segi aspek pengawasannya dan pelaburannya dan juga tanggungjawab Lembaga kepada Dewan Undangan Negeri yang mulia ini yang disyaratkan laporan-laporan akan dibentangkan untuk kita bersama-sama menelitinya di atas prestasi pelaburan yang dibuat itu. Saya berpendapat tiada sebab Tabung Warisan ini akan menerima kerugian di dalam pelaburan-pelaburan yang dibuat. Sebagai contoh, jika tabung ini membeli saham T.N.B. \$10 juta dengan harga yang ditawarkan di satu ketika dahulu berjumlah \$4.50 satu saham maka lihat sajalah kepada keuntungan yang dapat diperolehi oleh Tabung ini oleh kerana saham tersebut pada waktu ini telahpun diniagakan dengan lebih daripada \$10 satu saham. Ini bermakna dengan terang-terang Tabung Warisan ini telahpun mendapat keuntungan lebih kurang \$5.50 pada satu saham yang dibeli di dalam T.N.B. itu, ini sebagai contoh sahaja. Sehingga hari ini mengikut pada apa yang saya fahamkan sejumlah \$12,728,700 telahpun dimasukkan ke dalam Tabung Warisan ini, dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita tunggulah kepada laporan tahunan yang akan

27 September 1992

disampaikan di Dewan Undangan yang mulia ini insya-Allah pada akhir tahun ini ataupun awal tahun depan. Oleh kerana garis panduan ini telahpun ditetapkan di dalam Tabung Warisan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kalau kita meneliti Seksyen 6 yang lama itu, izinkanlah saya baca, Seksyen 5 berbunyi:-

"Maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa dalam Tabung:-

- (a) Sejumlah \$30 juta Malaysia atau 15% yang mana lebih tinggi kepada dan bagi maksud-maksud Tabung dari masa ke semasa wang yang diuntukkan daripada Wang Yang Disatukan hasil daripada royalty petroleum dan gas.

Maka Seksyen 6 yang saya baca tadi dengan jelas memperlihatkan bagaimana ketatnya pengawalan bagi maksud untuk mengeluarkan wang kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Izinkanlah saya baca Seksyen 6. Seksyen 6 berbunyi:-

"Wang yang ada dalam kredit Tabung boleh selepas tamatnya tempoh 10 tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya enakmen ini dan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri digunakan bagi mana-mana daripada maksud-maksud Kumpulan Wang Pembangunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966".

Maka Seksyen 6 ini dengan jelas memperlihatkan bagaimana ketatnya pengawalan dan bagi maksud untuk mengeluarkan wang kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Kawalan yang ketat ini sudah pasti meyakinkan rakyat bahawa Tabung ini boleh diharapkan untuk menjaga kepentingan seluruh lapisan rakyat di negeri Terengganu Darul Iman yang kita cintai ini. Seksyen 6 (lama) juga membolehkan pihak Lembaga Tabung menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan yang menguntungkan sepanjang tempoh 10 tahun yang telah dihaskan kepada Tabung Warisan ini. Dengan lain perkataan pengeluaran wang untuk Kumpulan Wang Pembangunan tidak boleh diusik, daripada wang caruman tahunan untuk Tabung Amanah Warisan ini dengan hal yang demikian kekuatan Tabung ini dapat dipertahankan melalui Seksyen 6 (lama) ini, dan melalui seksyen ini juga kita boleh mengatasi penggunaan kuasa yang keterlaluan bagi memastikan kepentingan rakyat, wang rakyat melalui Tabung ini sentiasa dipelihara dan dijaga dengan rapi dan wajar sekali seksyen ini dipertahankan daripada sebarang pindaan untuk seketika ini.

Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, izinkanlah saya membuat perbandingan sedikit di antara Tabung Amanah Warisan Negeri Tahun 1990 ini dengan Perbadanan Tubuh Menteri Besar yang mana saya percaya fungsi dan tugas-tugas tanggungjawab kedua-dua badan ini adalah bertujuan yang

sama. Perbandingan ini wajar dibuat oleh kerana ianya, oleh kerana isi kandungannya adalah sama iaitu bertujuan untuk menyimpan sebahagian daripada wang hasil minyak dan gas ini untuk generasi akan datang. Perbandingan ini wajar dibuat oleh kerana kandungan kedua-dua Enakmen ini amatlah berbeza dan amat berlainan sekali walaupun tugas dan tujuannya sama, melabur wang hasil minyak dan gas untuk generasi akan datang. Perbadanan Tubuh Menteri Besar yang ditubuh pada tahun 1951 lagi tidak pernah dipinda, tidak pernah dikaji, tidak pernah dibuat apa-apa perubahan langsung di dalam masa Enakmen ini diluluskan di Dewan Undangan Negeri. Bahkan Enakmen Tubuh Menteri Besar ini yang ada di tangan saya hanyalah 2 helai sahaja dan ianya dalam Bahasa Inggeris pulak, tidak dalam Bahasa Melayu. Oleh itu saya pohonlah kepada pihak Kerajaan khususnya Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang supaya bekerja keras sedikit untuk membuat terjemahan dan juga untuk meminda dan mencari dan membetulkan kelemahan-kelemahan yang ada di dalam Tubuh Menteri Besar ini khususnya kepada 2 :-

1. Enakmen Tubuh Menteri Besar ini memberi kuasa mutlak kepada Yang amat Berhormat Menteri Besar, tidak kiralah Menteri Besar manapun, "Menteri Besar" kata dia

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Wakil Tanggol membahaskan Tabung Warisan ataupun Tubuh Menteri Besar?

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERTHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, kalau kita beli durian, kita kena buat perbandingan, durian Batu Rakit sedap, durian Hulu Terengganu tidak sedap, jadi saya hendak membuat perbandingan. Bagi saya seminit lagi dan saya akan balik kepada apa yang saya hendak hujjahkan.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, membenarkan saya meneruskan ucapan saya - Kebetulan habis dah hak yang saya cakap Tubuh Menteri Besar tadi, saya pindah balik kepada Tabung Warisan pula. Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, pada hari ini Dewan telah dikemukakan untuk membuat pindaan di bawah Seksyen 6, yang mana mengikut pindaan ini kalau ianya diterimapakai Kumpulan Wang Pembangunan boleh menggunakan wang yang ada dalam kredit semasa Tabung Amanah Warisan pada bila-bila masa dan tidak lagi melalui tempoh 10 tahun yang disyaratkan di dalam Seksyen 6 Enakmen tersebut. Saya merasa hairan mengapa Seksyen 6 (lama) yang baik dan meyakinkan boleh dipinda dan pindaan baru itu tidak begitu meyakinkan kerana tidak ada tempoh tertentu dikenakan bagi pengeluaran wang untuk Kumpulan Wang Pembangunan. Kadang-kadang terfikir oleh saya adakah Kerajaan ini menerima satu krisis kewangan yang teruk, fikir sahaja ini, saya percaya perkara ini tidak berlaku oleh kerana wang

27 September 1992

hasil minyak yang kita telah perolehi selama 13 tahun yang lampau berjumlah hampir-hampir \$5,000 juta setakat ini dan pada tahun 1991 sahaja hasil minyak dan gas yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu berjumlah lebih kurang \$485 juta dan pada tahun ini insya-Allah dan juga di tahun-tahun akan datang hasil minyak dan gas yang diperolehi oleh Kerajaan ini saya percaya dapat dilipatgandakan lagi berpandukan kepada gas yang telah dijual kepada Singapura dengan begitu banyak. Di dalam keadaan dan suasana negeri kita menerima hasil minyak dan gas yang begitu lumayan sekali, maka tidak wajar sama sekali duit yang kita carumkan untuk kepentingan rakyat jelata dicabuli. Dari segi logiknya saya rasa tidak nampak pindaan ini harus dibuat sepatutnya apa yang perlu dilakukan ialah Pihak Berkuasa terus mempertahankan Seksyen 6 ini dan uruskanlah perjalanan Tabung ini dengan mengikuti peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Enakmen tersebut. Enakmen Tabung Warisan ini cukup kemas dan cukup baik jika kita mengikut garis panduan ataupun seksyen-seksyen yang ada di dalam Tabung Warisan ini. Saya berharap pihak Lembaga Tabung Warisan ini mengambil berat sepenuhnya bertanggungjawab kepada Seksyen 11 (i)(ii)(iii) Seksyen 12 dan Seksyen 13. Izinkanlah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua saya baca sedikit, bukan semua, sedikit sahaja:-

Seksyen 11:

- (i) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan lain-lain rekod yang sempurna berkenaan dengan perjalanan tabung dan hendaklah menyediakan Penyata-penyata Akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.
- (ii) Lembaga hendaklah tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangan menyebabkan akaun Tabung diauditkan oleh Ketua Audit Negara.
- (iii) Pada akhir setiap tahun kewangan, dan sebaik sahaja akaun Tabung telah diauditkan Lembaga hendaklah menyebabkan satu salinan Penyata Akaun ini dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri berserta satu salinan pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atas mana-mana Penyata Akaun atau atas Akaun-akaun Amnya.

Seksyen 12:-

Lembaga hendaklah tidak lewat daripada 30hb April, dalam setiap tahun menyebabkan dibuat dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu laporan mengenai pelaburan-pelaburan Tabung ini sepanjang tahun kewangan yang terdahulu dan

27 September 1992

mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan proseding dari polisi Lembaga sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa, dan;

Seksyen 13 :Yang mana saya fikir amat mustahak sekali ialah Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan satu salinan Akaun Teraudit Tahunan di bawah Seksyen 11 dan Laporan Tahunan di bawah Seksyen 12 yang diterima olehnya dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri.

Saya berpendapat laporan ini amat mustahak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dan oleh itu saya pohonlah dan merayu kepada pihak Kerajaan supaya laporan ini hendaklah dilaporkan dengan cepat, jangan tunggu sampai dua, tiga tahun baru kita hendak bentang di dalam Dewan ini. Jika itu berlaku maka kita tidak akan dapat fakta-fakta dan keterangan-keterangan, maklumat-maklumat yang baik dan teratur untuk kita bersama-sama menelitinya, mengkajinya dan bersama-sama membincang di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, hendak habis dah ini, setelah saya meneliti maksud kepada pindaan Seksyen 6 yang baru ini saya mendapati ianya sudah tidak ada kekuatan lagi bagi mengawal Tabung Amanah Warisan ini jika Seksyen 6 (lama) itu dipinda dan diubah dan digantikan dengan Seksyen 6 yang baru, yang mana masa 10 tahun yang diberi kepada Tabung ini untuk mentadbirkan wang yang dimasukkan oleh Kerajaan melalui wang minyak dan gas yang diperolehi oleh kita itu ke dalam Tabung Warisan tadi. Dan kalau ini berlaku maka harapan rakyat kepada Tabung ini akan tinggal harapan sahaja. Dengan ini saya tidak bersetuju sekali-kali kepada pindaan Seksyen 6 (baru) untuk Tabung Amanah Warisan ini dan saya pohonlah kalau boleh pihak Kerajaan mengkaji balik kerana wang yang diperuntukkan ke dalam Tabung Warisan ini yang mana dalam masa 10 tahun kita tidak boleh hendak kosek pun, kita hendak beri kebebasan kepada Lembaga Tabung Warisan ini untuk menjalankan tugas mereka macam mana hendak melabur masuk hari ini esok keluar. Kalau kita beri 10 tahun pun dah mereka itu membuat perancangan yang baik, perancangan di manakah saham-saham yang Kerajaan yang hendak dikeluarkan. Orang putih kata "Blue Chips Shares" ataupun hendak beli melaburkan di dalam syarikat-syarikat yang sahih akan memberi keuntungan yang begitu banyak kepada Tabung Warisan tadi untuk disimpan bagi generasi akan datang. Dan pada ketika itu, lepas 10 tahun jika difikirkan wang keuntungan yang diperolehi oleh Tabung Warisan ini begitu banyak dan begitu orang kata untung banyak sangatlah hendak kirapun tidak boleh susah, maka bolehlah diwaktu itu sebahagian daripada wang yang disimpan untuk generasi yang akan datang itu digunakan untuk pembangunan projek Kerajaan. Jadi setakat ini sahajalah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap pada hari ini. Sekian.

27 September 1992

YANG BERTHORMAT MULLIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, tidak ada siapa hendak bercakap lagi, saya minta pihak Kerajaan membuat jawapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Mulia Wakil Tanggol atas prihatinnya Yang Berhormat Mulia, "caknanya" kata orang Terengganu atas apa yang Kerajaan buat. Tetapi kalau cakna biar cakna belaka, jangan tuju cakna pada tempat-tempat yang tertentu sahaja tidak jadi jugak. Jadi, pilih-pilih itu tidak jadi jugak. Sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Mulia tadi sebagai hujjah saya faham, tetapi saya rasa molek juga kalau Yang Berhormat Mulia dapat terima satu kenyataan pendek yang saya boleh buat begini barangkali Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua, bahawa Seksyen 6 yang asal itu kemas bedooh, ketat berdooh jadi tidak memberi peluang kepada kita untuk menjadikan Tabung Warisan ini satu tempat yang begitu dinamik, mengambil peluang pelaburan-pelaburan, peluang-peluang yang ada di sekeliling kita seperti yang dicontohkan tadi, dicontohkan T.M.B dia kata kalau boleh kita ambil \$10 juta ertinya berapa banyak sudah kita untung, betullah itu, kitapun faham bukan payah sangat hendak faham benda ini. Tetapi walau macam manapun kita ambil juga dengan menggunakan kuasa-kuasa yang tertentu, kita gunakan juga tetapi keadaan itu tidaklah memberi semacam kekuatan kepada kita untuk menggunakan sebaik-baiknya wang yang dimasukkan dalam Tabung Amanah Warisan ini. Jadi kalau mengikut semangat Seksyen 6, ertinya kita hanya akan dapat menggunakan duit ini iaitu kalau kita ambil kira \$30 juta kali 10 tahun, \$300 juta selepas 10 tahun, jadi hilang "dynamism" Tabung ini, jadi tidak berguna, kita tengok peluang-peluang yang baik "macam tikus tengok besi" hendak kerekah tidak lut, itu masalahnya Yang di-Pertua. Saya beri sedikit maklumat kepada Wakil Tanggol sebenarnya Tubuh Menteri Besar pernah dipinda bukan kata tidak dipinda ada dipinda, barangkali Yang Berhormat tidak nampak ataupun tidak tahu maklumat ini, itu yang saya beritahu. Saya pun lupa dah hendak beritahu ini bila kita pinda, tetapi tetapi kita pinda sebenarnya. Tidak payah rasanya kita menaruhkan begitu tebal rasa tidak percaya, rasa was-was, ragu, di atas kemampuan orang lain menjalankan kerja kerana mengukur ketidakmampuan diri sendiri rasanya tidak molek. Kalau kita tidak mampu, tidak semestinya orang tidak mampu, kalau kita tidak boleh dipercayai tidak semestinya orang lainpun tidak boleh dipercayai. Jadi kebanyakan kita meluahkan "argument" berdasarkan kepada diri kita sendiri. Jadi menimbulkan keraguan-keraguan yang tidak baik terhadap orang lain. Jadi kerana keraguan itu menimbulkan andaian-andaian kalau buat begini, begini, begini, jadi tidaklah memberi semacam perangsang kepada kita untuk mencari usaha yang sebaik-baiknya dalam hal ini. Kalau Yang Berhormat ingat bahawa

27 September 1992

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERTHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Bert hormat Mulia Yang di-Pertua, saya minta penjelasan - Saya berharap pihak Kerajaan membaca Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1987, '88 dan '89 dan laporan-laporan ini terbentang berhubung dengan begitu banyak salahguna kuasa, kepincangan pentadbiran dan kerugian yang menimpa syarikat-syarikat yang dilaburkan di bawah Tabung Warisan sebab itu yang saya berucap, bukan saya hendak tuduh ke siapa, tidak ada. Fasal benda ini sebenarnya terbukti di dalam Laporan Ketua Audit Negara kalau tidak saya tidak sebut, bukan saya hendak tuduh kepada siap siapa dia, tidak ada. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: ... Yang Bert hormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan Tabung Warisan ini, adakah pernah ditegur oleh Audit Negara tentang Tabung Warisan, kerana Tabung Warisan mula kalau kita kira secara rasminya mendapat perkenan tandatangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 12.11.1990, dia berjalan sepenuh tahun 1991, kita baru masuk tahun '92.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERTHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Bert hormat Mulia Yang di-Pertua, penjelasan, saya tahu dan faham bahawasanya Enakmen ini diluluskan pada tahun 1990, saya tahu bulan 11, tetapi kita tidak mahu perkara ini orang kata seperti kata pepatah Melayu "Pisang Berbuah Dua Kali". Jadi kita hendak jaga, bukan tujuan saya hendak menghina mana-mana pihak ataupun hendak menuduh mana-mana pihak cuma saya hendak sebut kita mesti jaga supaya "Pisang Tidak Berbuah Dua Kali" sebab itulah saya buat perbincangan tadi.

Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Terima kasih, di atas ingatan yang baik itu Dato' Yang di-Pertua, tapi kita faham, kenyataan yang dibuat dengan niat yang baik, kenyataan yang dibuat penuh dengan warna-warna tohmah, keraguan, andaian dan sebagainya kita pun faham juga. Jadi kita dapat membezakan

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERTHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Bert hormat Mulia Yang di-Pertua, apakah yang dikatakan tohmahan, apakah yang dikatakan maklumat palsu, apakah yang dikatakan fitnah itu, saya bersedia dibawa ke mahkamah jika apa yang saya sebut selama ini di dalam Dewan ini juga ataupun di luar Dewan jika ada perkara-perkara yang dikatakan maklumat palsu, fitnah, maka hadaplah saya ini ke mahkamah, bila-bila masa. Terima kasih.

27 September 1992

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cukup senang tadi dalam hujjah Yang Berhormat Wakil Tanggol tadi ada disebut bahawa kalau bertukarnya Seksyen 6 daripada apa yang dicadangkan maka tidak akan terkawallah penggunaan duit Tabung Warisan ini. Ertinya orang-orang yang berkuasa sekarang ini yang mentadbirkan Tabung Warisan ini akan menggunakan kesempatan, jadi seolah-olah kita ini "opportunist" sangat, petualang sangat, tidak bertanggungjawab, tidak tahu hak mana halal, hak mana haram. Hah, itu tohmah namanya, itu.

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya tidak kata begitu dan saya tidak tohmah. Itu pendapat saya sebab itulah kita ini menjadi wakil rakyat untuk membincang dan memperkatakan berbagai-bagai isu yang timbul. Memanglah nasihat dan pandangan itu pahit seperti macam ubat tetapi insya-Allah kalau kita terima nasihat ini barangkali dari jangka masa panjang barangkali akan memberi faedah kepada kita. Bukan soalan saya hendak menuduh, saya tidak kata Jawatankuasa Tabung Warisan itu tidak, tidak, yang saya kata saya takut masuk wang hari ini \$10 juta lepas sebulan ambil balik. Ini yang saya takut macam mana dia orang hendak labur wang ini apabila mereka ini diberi masa yang begitu singkat untuk mencari jalan untuk melaburkan wang ini, itu sahaja tujuan saya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Jadi, Dato' Yang di-Pertua, apa salahnya kalau masuk hari ini esok buat keluar untuk pelaburan, tidak ada masalahnya, tidak ada masalah sebenarnya. Jadi itulah

YANG AMAT MULIA TENGGU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGGU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Tidak apalah, ya, tidak apa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Jadi itulah semangat, cadangan ini Dato' Yang di-Pertua, untuk meminda, jadi saya berharap Wakil Tanggol boleh faham dan boleh menaruh harapan kepada kita. Kalau dia tidak menaruh harapan, kemudian dia kaitkan pula dengan hal-hal yang berlaku dulu, dia merupakan satu deretan keraguan yang membawa tohmah-tohmah, katanya tidak, itu masalah itu yang dapat saya fahamkan. Jadi kalau dia mengaku bahawa perkara ini bukan tohmah-tohmah dan dia percaya kepada kita yang memegang kuasa sekarang, maka tentulah dia tidak akan membantah, dia akan menyokong. Jadi apa yang disebut ini dengan jelas dia tidak menyokong, membantah, membangkang, ertinya dia tidak percaya kepada kita, ertinya dia tidak percaya kepada orang yang ada ini. Jadi saya tidak ...

27 September 1992

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, "mafhumnya" ada, kelonggaran itu akan mendedahkan kepada "abuse" dan "temptation".

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: ... Saya tidak faham apa benda maksud tambahan Wakil Batu Burok itu, apa benda maksudnya? Hendak campur sama boleh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG: Dato' Yang di-Pertua, penjelasannya - Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Wakil Tanggol tadi, kelonggaran yang diminta itu akan mendedahkan apa yang dipanggil Pihak Berkuasa Negeri itu kepada penyalahgunaan kuasa dan diberi contoh-contohnya itu pandangan dan hasrat kita memang menentanginya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: ...Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, beberapa seksyen yang dibaca oleh Yang Berhormat Wakil Tanggol tadi, start daripada 11 sampai akhirnya saya rasa cukup sebagai mengawal penggunaan atau pentadbiran kewangan Tabung Warisan ini di mana setiap waktu tertentu dia minta disediakan penyata kewangan, penyata kewangan itu mestilah dibentang dalam Dewan ini cukup, memberi kuasa yang cukup untuk semua Wakil Rakyat membuat teguran, malah barangkali lebih daripada itu Dato' Yang di-Pertua

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

(YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, penjelasan - Saya tidak mempertikaikan kepada syarat-syarat yang saya baca tadi, saya percaya kepada Tabung Warisan tetapi yang kita mempertikaikan ialah, ataupun menyuarakan kebimbangan kita ialah apabila wang itu dimasukkan ke dalam Tabung Warisan, lepas sebulan-dua wang itu dikeluarkan balik, bagaimana Lembaga Tabung Warisan ini hendak merancangkan sesuatu untuk mendapatkan hasil seperti kita kata hendak melaburkan di dalam saham-saham, hendak membeli saham-saham di dalam syarikat, itu sahaja, saya tidak kata, tidak, tidak ada tuduh, tidak ada niat jahat. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Dah kalau dia buat keluar semua pun tidak masalah, misalnya katalah esok ada tawaran \$100 juta saham T.N.B., jadi kalau kita buat keluarpun apa salahnya itu satu peluang yang baik, saya tidak nampak salahnya itu, itu menunjukkan keyakinan kepada kita. Jadi menaruh kebimbangan yang tidak-tidak inilah yang menimbulkan apa yang saya sebut tohmah dan sebagainya itu Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya rasa cukuplah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tanggol itu, disokong oleh Yang Berhormat Batu Burok sekadar kebimbangan, insya-Allah kita cuba berlaku adil kepada semua pihak supaya masing-masing tidak akan bimbang lagi kepada kita yang saya rasa

27 September 1992

tidak kurang bertanggungjawabnya jika dibandingkan dengan orang-orang lain. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (Pindaan) 1992 dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990 (PINDAAN) 1992
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990 (PINDAAN) 1992
TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH
DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan, Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN MUDA BIN MOHD: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (Pindaan) 1992 dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990 (PINDAAN) 1992
DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 5 Tahun 1992.

27 September 1992

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan kepada satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Saya ucapkan terima kasih.

PERSIDANGAN DEWAN TAMAT PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1993